



KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI



2024 LAPORAN TAHUNAN

POLITEKNIK MUKAH
pmu.mypolycc.edu.my



Disediakan oleh
UNIT PENGURUSAN PRESTASI
POLITEKNIK MUKAH

Politeknik Mukah
Kementerian Pendidikan Tinggi
Km. 7.5, Jalan Oya
96400 Mukah
Sarawak

No. Telefon : +6084-874001
No. Faksimili : +6084-874005
Laman Sesawang : www.pmu.edu.my

Hak cipta @ 2024 Politeknik Mukah
eISSN : 3009-1594



Hak cipta terpelihara. Mana-mana bahagian di dalam buku ini tidak dibenarkan untuk disalin dan simpan dalam sebarang bentuk dengan apa cara, elektronik, mekanikal, fotokopi dan rakaman atau sebaliknya atau apa cara yang memungkinkan untuk diterbitkan semula tanpa izin daripada Politeknik Mukah.

Diterbitkan oleh :
Unit Pengurusan Prestasi (UPP)
Politeknik Mukah
Kementerian Pendidikan Tinggi



KANDUNGAN

06

Visi dan Misi

07

Perutusan Pengarah

09

Ringkasan Eksekutif

10

Politeknik Mukah

11

Jawatankuasa Laporan
Tahunan PMU

13

Ahli Mesyuarat
Pengurusan

17

Anugerah Pekerja
Cemerlang (APC)

18

Pasukan Kemahiran
PMU POLYCCSKILL

21

Jabatan Kejuruteraan
Awam

29

Jabatan Kejuruteraan
Elektrik

37

Jabatan Kejuruteraan
Mekanikal

45

Jabatan Perdagangan

53

Jabatan Teknologi
Maklumat & Komunikasi

61

Jabatan Matematik,
Sains & Komputer

69

Jabatan Pengajian Am

77

Jabatan Sukan, Kurikulum
& Kebudayaan

KANDUNGAN

85

**Jabatan Hal Ehwal &
Pembanguna Pelajar**

88

**Unit Penyelidikan
Inovasi & Komersialan**

92

Unit Jaminan Kualiti

96

**Unit Pengurusan
Prestasi**

100

**Unit Komunikasi &
Korporat**

104

Unit Pengantarabangsaan

106

Unit *Centre of Network*

110

**Unit Pengurusan
Psikologii**

114

**Unit Pembangunan
Instruksional & Multimedia**

118

**Unit Pembangunan &
Penyenggaraan Fasilitas**

122

Unit Peperiksaan

125

**Unit Perhubungan &
Latihan Industri**

128

**Unit Latihan &
Pendidikan Lanjutan**

132

Unit Kewangan & Akaun

135

Unit Pusat Sumber

139

Unit Khidmat Pengurusan

KANDUNGAN

142

**Unit Pengurusan Kolej
Kediaman**

145

Unit Keusahawanan

149

**Unit Teknologi
Maklumat**

153

Unit CISEC

157

Unit Pengurusan Aset

160

JK e-Learning

164

**JK Sistem Penasihat
Akademik**

168

JK SmartGreen PolyCC

172

**JK Keselamatan &
Kesihatan Pekerja**

174

JK EKSA

178

JK Tatakelola

182

**JK Pensyarah Pelawat
Industri**

184

**JK Pengurusan Pusat
Islam**

188

**Majlis Konvokesyen
Politeknik Mukah ke-16**

189

PolyCCSkills

191

Sidang Editor

192

Penutup

Visi PMU

Menjadi institusi TVET yang unggul

Misi PMU

- Menjadi asas kepada program TVET berkualiti dan diiktiraf
- Menghasilkan graduan holistik, berciri keushawanan dan seimbang
- Memanfaatkan perkongsian pintar dengan pihak berkepentingan

Perutusan Pengarah

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera

Alhamdulillah Laporan Tahunan Politeknik Mukah (PMU) 2024 telah berjaya diterbitkan sebagai salah satu komitmen PMU untuk menyampaikan pencapaian, inisiatif strategik, dan perkembangan institusi sepanjang tahun yang telah berlalu. Laporan ini juga berfungsi untuk memberikan gambaran jelas mengenai visi dan misi PMU dalam memajukan pendidikan tinggi, serta memperkukuhkan sumbangan PMU terhadap pemegang taruh dan komuniti pada peringkat tempatan sehingga ke peringkat antarabangsa.


Tahun 2024, PMU terus berusaha untuk melangkah lebih jauh dalam memenuhi tanggungjawab sebagai penyedia pendidikan yang berkualiti, berinovasi, dan relevan dengan perkembangan global. PMU mengakui pentingnya sumbangan institusi pendidikan tinggi dalam pencapaian Matlamat Pembangunan Mampan (Sustainable Development Goals (SDG)), terutama dalam menyediakan pendidikan berkualiti yang inklusif dan membangunkan tenaga kerja yang terampil melalui program Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (Technical and Vocational Education and Training (TVET)). PMU juga menyedari bahawa Revolusi Industri 4.0 (IR4.0) telah membawa cabaran baru, serta peluang besar bagi institusi untuk memperkenalkan teknologi terkini dan mempersiapkan pelajar dengan keterampilan yang relevan bagi dunia kerja masa depan.

Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang telah bekerja keras dan berdedikasi untuk memastikan kecemerlangan institusi ini. Terima kasih diucapkan kepada para pelajar, alumni, serta rakan kerjasama strategik industri dan masyarakat yang terus menyokong perjalanan institusi ini.

Dengan penuh keyakinan, PMU akan terus bergerak ke hadapan dalam usaha untuk menghasilkan graduan yang kompeten, berdaya saing, dan mampu memberi impak positif kepada dunia.

Sekian, terima kasih.

SUHAILI BIN ALEH
Pengarah
Politeknik Mukah



Ringkasan Eksekutif

Laporan tahunan ini memberikan gambaran keseluruhan mengenai pencapaian, aktiviti utama, dan perancangan strategik Politeknik Mukah (PMU) sepanjang tahun 2024 yang lalu. Ia merangkumi pelbagai aspek termasuk akademik, penyelidikan, pembangunan pelajar, serta kerjasama industri dan komuniti. PMU terus berusaha mencapai kecemerlangan dalam pendidikan, penyelidikan, dan penglibatan sosial dengan memfokuskan pada beberapa bidang utama yang menyokong pencapaian Matlamat Pembangunan Mampan (Sustainable Development Goals (SDG)), Revolusi Industri 4.0 (IR4.0), serta Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (Technical and Vocational Education and Training (TVET)).

Pendidikan berkualiti

PMU terus mengutamakan penyediaan pendidikan berkualiti dengan pelaksanaan kurikulum yang relevan dan inovatif. Penekanan diberikan kepada mengintegrasikan teknologi terkini dalam proses pembelajaran dan pengajaran, termasuk penggunaan platform digital dan sumber pembelajaran dalam talian. PMU juga mengembangkan dan menambahbaik program agar selaras dengan perkembangan global, menyediakan pelajar dengan pengetahuan dan kemahiran yang relevan bagi dunia pekerjaan yang semakin mencabar.

Sumbangan terhadap SDG

PMU telah membuat kemajuan signifikan dalam menyokong pencapaian beberapa SDG, terutamanya dalam menyediakan pendidikan yang inklusif dan berkualiti (SDG 4: Pendidikan Bermutu) serta SDG8: Pekerjaan Sesuai dan Pembangunan Ekonomi. PMU juga aktif dalam penyelidikan yang memberi impak positif terhadap cabaran sosial, ekonomi, dan alam sekitar (SmartGreen).

Penyelidikan dan inovasi

Penyelidikan adalah salah satu teras utama institusi ini. PMU terus memperkukuhkan komitmen terhadap penyelidikan yang memberi manfaat kepada masyarakat dan industri. Beberapa bidang penyelidikan utama termasuk teknologi hijau, kecerdasan buatan, dan pembangunan mampan. PMU turut menjalinkan kerjasama dengan industri dan agensi kerajaan untuk memastikan bahawa hasil penyelidikan dapat diaplikasikan secara praktikal.



Ringkasan Eksekutif

Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET)

Dalam usaha menyokong pengembangan tenaga kerja berkemahiran tinggi, PMU menekankan pentingnya program TVET. PMU menawarkan pelbagai program latihan yang bukan sahaja menumpukan pada teori, tetapi juga memberi peluang kepada pelajar untuk mendapat pengalaman praktikal melalui latihan industri dan hubungan strategik dengan sektor awam serta swasta.

Pembangunan pelajar dan sokongan komuniti

Pembangunan holistik pelajar turut menjadi keutamaan PMU. PMU menyediakan pelbagai peluang untuk pembangunan kemahiran insaniah, kepimpinan, dan kerjaya melalui program-program sokongan akademik, ko-kurikulum, dan bimbingan kerjaya. PMU juga menggalakkan penglibatan pelajar dalam aktiviti sosial dan masyarakat yang memberi impak positif kepada komuniti.

Sepanjang tahun 2024, PMU terus berkembang dan menyesuaikan diri dengan perubahan dalam dunia pendidikan tinggi dan industri. PMU mempamerkan komitmen untuk terus memberikan pendidikan berkualiti, menghasilkan penyelidikan yang memberi impak, serta menyediakan tenaga kerja yang berketrampilan dan berdaya saing. PMU yakin bahawa dengan sokongan semua pihak, institusi ini akan terus berperanan sebagai peneraju dalam membentuk masa depan yang mampan dan inovatif.

Laporan tahunan ini mencerminkan perjalanan PMU dalam merealisasikan visi dan misi untuk membentuk masa depan yang lebih cemerlang bagi pelajar, komuniti, dan negara.

Ts. MARIATI BINTI MASDUKI

Ketua Unit Pengurusan Prestasi

Ketua Editor Eksekutif Laporan Tahunan PMU 2024

Politeknik Mukah

Politeknik Mukah: Pusat Kecemerlangan Teknikal

Politeknik Mukah Sarawak (PMU), yang terletak di wilayah tengah Sarawak, merupakan institusi pendidikan tinggi yang menjadi lambang kecemerlangan teknikal dan vokasional. Ditubuhkan sebagai politeknik ke-20 di Malaysia dan ketiga di Borneo selepas Politeknik Kuching Sarawak dan Politeknik Kota Kinabalu, PMU telah memainkan peranan penting dalam memperkasakan pendidikan teknikal di rantau ini. Kampus PMU dibina di atas tanah seluas 100 ekar dan dilengkapi dengan infrastruktur moden serta kemudahan pendidikan terkini untuk menyokong proses pembelajaran yang berkualiti.



Operasi pertama PMU bermula pada tahun 2004 di Sekolah Menengah Teknik Sibu dan sesi pengambilan pelajar pertama telah dilakukan pada Julai 2005 dengan menawarkan program Sijil Teknologi Maklumat, Sijil Kejuruteraan Awam dan Sijil Pengajian Perniagaan. Setahun kemudian, PMU mula menawarkan program Diploma dalam lima jabatan utama: Jabatan Teknologi Maklumat & Komunikasi (JTMK), Jabatan Kejuruteraan Awam (JKA), Jabatan Kejuruteraan Elektrik (JKE), Jabatan Kejuruteraan Mekanikal (JKM) dan Jabatan Perdagangan (JP). Jabatan Pengajian Am (JPA) serta Jabatan Matematik, Sains, dan Komputer (JMSK) turut menawarkan kursus umum untuk menyokong pembelajaran pelajar.

Di samping program sepenuh masa, PMU juga menyediakan kursus jangka pendek untuk masyarakat setempat melalui program Penswastaan Sektor Masa (*Time Sector Privatisation* - TSP). Inisiatif ini dirancang untuk menggalakkan pembelajaran sepanjang hayat, memperkasakan komuniti setempat dengan pengetahuan serta kemahiran baru dan meningkatkan kompetensi mereka dalam pelbagai bidang.

Dengan komitmen terhadap pembangunan akademik dan praktikal, Politeknik Mukah terus berkembang sebagai pusat kecemerlangan yang melahirkan graduan berkemahiran tinggi, berdaya saing dan bersedia menghadapi cabaran global. Institusi ini bukan sekadar tempat pembelajara tetapi juga pemangkin transformasi sosioekonomi bagi masyarakat tempatan dan negara.

Jawatankuasa Laporan Tahunan PMU



Ts. MARIATI BINTI MASDUKI
Ketua Unit UPP



ADI JAYA BIN ADAM
Penyelaras KPI PMU



SADIAH ANAK AGON
Setiausaha UPP



ZAINUDIN BIN MAT TAIB
Penyelaras Pelan
Strategik



**Ts. FAIROSE BINTI
MOHTAR**
Penyelaras MyPortfolio
PMU



**SITI HASMAH BINTI
ABANG MAN**
Penyelaras Pelan
Tindakan MPU

Jawatankuasa Laporan Tahunan PMU



**FARAH HANAN BINTI
ABU BAKAR**
Penyelaras SKT PMU



**NUWAIRANI AZURAWATI
BINTI SIHA**
Penyelaras Laporan
Tahunan PMU



NORSIDA BINTI MORSIDI
Penyelaras Carta
Organisasi PMU



**CHE SUSILAWATI
BINTI CHE BERAHIM**
Penyelaras PK&K
PMU



ROZAIDA BINTI HALIL
Penyelaras Takwim
Aktiviti PMU



**NUR-ADIBAH BINTI
RAIHAN BINTI AFFENDY**
Penyelaras Takwim
Aktiviti PMU

Ahli Mesyuarat Pengurusan

No.	Nama	Peranan
1	SUHAILI BIN ALEH	PENGARAH
2	ISKANDAR BIN REDUAN	TIMBALAN PENGARAH
3	SOPHIAN BIN SOUT	TIMBALAN PENGARAH (SOKONGAN AKADEMIK)
4	CANARISA NIPI ANAK AH LIAN	KETUA JABATAN JABATAN KEJURUTERAAN AWAM
5	SAMSAWI BIN BUJANG	KETUA JABATAN JABATAN KEJURUTERAAN ELEKTRIK
6	LEN BIN ANNUAR RIGOS	KETUA JABATAN JABATAN KEJURUTERAAN MEKANIKAL
7	ADI JAYA BIN ADAM	KETUA JABATAN JABATAN PERDAGANGAN
8	NURZAIHAN BIN ISMAWI	KETUA JABATAN JABATAN TEKNOLOGI MAKLUMAT & KOMUNIKASI
9	JESSIE BINTI SELAHAT	KETUA JABATAN JABATAN MATEMATIK, SAINS & KOMPUTER

Ahli Mesyuarat Pengurusan

No.	Nama	Peranan
10	MOHAMAD SOBRI BIN SUHAILI	KETUA JABATAN JABATAN PENGAJIAN AM
11	AIESAH BINTI KARIM	KETUA JABATAN JABATAN HAL EHWAL & PEMBANGUNAN PELAJAR
12	TS. FAIROSE BINTI MOHTAR	KETUA JABATAN JABATAN SUKAN, KOKURIKUM & KEBUDAYAAN
13	MOHD ZUHAIR SHAHIRAN BIN MUHAMMAD NAJIB	KETUA UNIT PEPERIKSAAN
14	BERNADINE CANDY ANAK STEPHEN NANYI	KETUA UNIT PERHUBUNGAN & LATIHAN INDUSTRI
15	TS. MARIATI BINTI MASDUKI	KETUA UNIT PENGURUSAN PRESTASI
16	HJH. HASNAH BINTI NGAH	KETUA UNIT JAMINAN KUALITI
17	DR. HABSAH BINTI MOHD SABIL	KETUA UNIT PENYELIDIKAN, INOVASI & KOMERSIALAN
18	MOHAMMAD FARDILLAH BIN WAHI	KETUA UNIT PENGANTARABANGSAAN

Ahli Mesyuarat Pengurusan

No.	Nama	Peranan
19	NURUL ASMAHANI BINTI OSMAN	KETUA CENTRE OF NETWORK (CNET)
20	HJ. MOHD AZLAN BIN AB. AZIZ	KETUA CISEC
21	JOHARI BIN KUSAI	KETUA UNIT KEUSHAWANAN
22	HJ. ROSIDI BIN MUHAMAD NOR	KETUA UNIT PENGURUSAN ASET
23	TANG SEE LIK	KETUA UNIT PENGURUSAN PSIKOLOGI
24	TIMOTIUS PETRUS ANAK AYI@ MICHAEL JULIN	KETUA UNIT PEMBANGUNAN INSTRUKSIONAL & MULTIMEDIA
25	TS. MOHAMAD IQMAL HANAFI BIN AHMAD HISHAM	KETUA UNIT LATIHAN & PENDIDIKAN LANJUTAN
26	MUHAMMAD MAZIZ BIN SAHARI	KETUA UNIT TEKNOLOGI MAKLUMAT
27	ROSFATIMAH BINTI WASLI	KETUA UNIT PUSAT SUMBER

Ahli Mesyuarat Pengurusan

No.	Nama	Peranan
28	MUHAMMAD HASBOLLAH BIN HASSAN	KETUA UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
29	TS. WINNIE ANAK JARUM	KETUA UNIT PEMBANGUNAN & PENYELENGGARAAN FASILITI
30	NORHAJIAH BINTI SHAMSUDDIN	KETUA UNIT PENGURUSAN KOLEJ KEDIAMAN
31	DELICSIA BINTI DAVID	KETUA UNIT KHIDMAT PENGURUSAN
32	KIU CHAI YUNG	KETUA UNIT KEWANGAN & AKAUN



KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI

APC 2023



ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG 2023 POLITEKNIK MUKAH



MASALINDA BINTI MANSOR
Pensyarah DH52



NUWAIRANI AZURAWATI
BINTI SIHA
Pensyarah DH52



MOHAMMAD BADZLI BIN
JAWAWI
Pensyarah DH48



NUR WAHIDAH
BINTI ISMAIL
Pensyarah DH48



AIESAH BINTI KARIM
Pensyarah DH48



FARAH HANAN
BINTI ABU BAKAR
Pensyarah DH48



IDA RUZANA BINTI CHE MAN
Pensyarah DH48



MOHD RIZAL BIN KHATIB
Pensyarah DH44



LYDIA ANAK ALING
Pensyarah DH44



DIANA ANAK RINGGAU
Pensyarah DH44 (M)



MUHAMMAD HAZIM FAHMI
BIN MOHD GHAFAR
Pensyarah DH41



SARA RURAN FABIAN
Pensyarah DH41



MUHAMMAD FADLI BIN SETOPA
Pensyarah DH41



GORDON KECHENDAI
ANAK NYANGGAU
Pensyarah DH41



MUHAMMAD THARIQ BIN
ABDUL RAZAK
Pensyarah DH41



SADIYAH ANAK GON
Pensyarah DH41



KHAIROLBADRI BIN AHMAD
Pensyarah DH41



SHAHRUL NAZRIN BIN AHA
Jurutera J41



NORHAJJAH BINTI SHAMSUDDIN
Penolong Pegawai
Tadbir N32



JOSENA JOSEPH TOYAT
Penolong Pegawai
Teknologi Maklumat F32



SALEMAH BINTI BASLI
Penyelia Asrama N22



FATIMAH MAHALI
Pembantu Tadbir
(Perkeranian/ Operasi) N22



ROZIAH BINTI SEMAN
Pegawai Khidmat
Pelanggan N22



FEBRUARY BIN DANG
Pemandu Kenderaan H11

Tahniah

Ikhlas daripada:

Pengurusan Tertinggi & Seluruh Warga Politeknik Mukah

#pemugemilang

Pasukan Kemahiran PMU POLYCCSKILL 2024

No.	Nama	Peranan	Bidang
1	WAN JAMALILAIL BIN WAN MOHD ZEN	PENYELARAS KEMAHIRAN PMU/ PENGURUS PASUKAN I	-
2	Ts. MARIATI BINTI MASDUKI	PENGURUS PASUKAN II	-
3	MOHD ZAKARIA BIN MOHD NOH	JURULATIH	MECHANICAL ENGINEERING CAD
4	AMIZAN YAHAYA BIN JAMIL	JURULATIH	MECHANICAL ENGINEERING CAD
5	ABDUL RAHMAN BIN MAT ABU	JURULATIH	WELDING
6	MOHAMAD SOPHIAN BIN BORHAN	JURULATIH	WELDING
7	WAN JAMALILAIL BIN WAN MOHD ZEN	JURULATIH	WELDING
8	LYDIA ANAK ALING	JURULATIH	ADDITIVE MANUFACTURING
9	MUHAMMAD NUR AZUAN BIN KAMARUDDIN	JURULATIH	ADDITIVE MANUFACTURING

Pasukan Kemahiran PMU POLYCCSKILL 2024

No.	Nama	Peranan	Bidang
10	JOHARI BIN KUSAI	JURULATIH	PAINTING & DECORATING
11	NORSIDA BINTI MORSHIDI	JURULATIH	PAINTING & DECORATING
12	MOHAMMED AZMI BIN LADI	JURULATIH	CARPENTRY
13	AHMAD SHAHRIL BIN MOHAMAD SHAHUDIN	JURULATIH	JOINERY
14	AHMAD SHAHRIL BIN MOHAMAD SHAHUDIN	JURULATIH	CABINET MAKING
15	MUHAMAD AZIZI BIN A. RAHMAN	JURULATIH	IT NETWORK SYSTEM ADMINISTRATIONS
16	MOHAMAD RUZAINI BIN MOHD RONI	JURULATIH	IT NETWORK SYSTEM ADMINISTRATIONS
17	JESSIE BINTI SELAHAT	JURULATIH	IT NETWORK SYSTEM ADMINISTRATIONS
18	ROHALIZA BINTI KARIM	JURULATIH	IT NETWORK SYSTEM ADMINISTRATIONS

Pasukan Kemahiran PMU POLYCCSKILL 2024

No.	Nama	Peranan	Bidang
19	NUR ANISAH BINTI EZUDDIN	JURULATIH	STENOGRAPHY
20	DOLLY SHANDY ANAK ROBERT	JURULATIH	STENOGRAPHY
21	ADI JAYA BIN ADAM	JURULATIH	ACCOUNTANCY

Carta Organisasi Jabatan Kejuruteraan Awam



Ferrolink Community 2024

Pada 9 -10 November, Jabatan Kejuruteraan Awam, Jabatan Hal Ehwal Dan Pembangunan Pelajar Politeknik Mukah dengan kerjasama SK Kampung Petanak menganjurkan Program Ferrolink Community yang melibatkan 100 orang peserta yang terdiri dari pensyarah dan pelajar Jabatan Kejuruteraan Awam Politeknik Mukah, warga SK Kg Petanak, PIBG SK Kg Petanak, komuniti dari KRT Kg Petanak Seri, KRT Kg Petanak Daya, Chapel Saint Jude, dan Surau Babul Jannah.



Program ini memberi manfaat dalam meningkatkan kemahiran teknikal dalam pembinaan bangku dan meja menggunakan simen ferro di kalangan pelajar dan komuniti, Menggalakkan semangat kesukarelawanan dan kerjasama antara pelajar JKA dan komuniti setempat dan Memupuk kesedaran kepentingan ilmu kejuruteraan awam dalam kehidupan seharian di kalangan peserta dan komuniti. Hasil dari program ini disumbangkan kepada SK Petanak bagi meningkatkan keselesaan pelajar sekolah tersebut yang mana sebelum program ini pelajar tidak mempunyai tempat duduk untuk makan waktu rehat.

Pautan media sosial program :

<https://www.facebook.com/share/p/1DBXds2dqC/>



POLYCCSKILLS 2024 - 3 PINGAT DARI 3 BIDANG JKA

Pertandingan PolyCCSkills yang disertai adalah untuk pemilihan mewakili team Politeknik Malaysia ke World Skills Malaysia Belia (WSMB) 2025. Pada 1 – 4 Julai 2024, JKA berinisiatif menghantar 4 penyertaan dalam bidang Painting & Decorating (Deco) (Victor Bayang Anak Janggut), Joinery (Cristiano Anak Banyang), Carpentry (Mohd Shahrul Anif Bin Shuardi) dan Cabinet Making (Mohamad Fadillah Bin Paryadi). Pertandingan diadakan di POLYCC Zon Perak.



Komitmen dan kemahiran jurulatih di jabatan dalam memupuk usaha bagi menarik minat para pelajar agar lebih berkeyakinan dan menghargai bidang kemahiran terbukti apabila 3 penyertaan Pelajar Jka Pmu Telah Memenangi:

- ~ Emas Bidang Cabinet Making
- ~ Emas Bidang Carpentry
- ~ Gangsa Bidang Deco Painting

Kejayaan ini sangat membanggakan dan menunjukkan usaha gigih serta dedikasi semua peserta dan pensyarah. Terbukti ketrampilan, kemahiran dan skill yang ada di kalangan pensyarah dalam mendidik pelajar diiktiraf diperingkat yang lebih tinggi.

Pergi dengan harapan, pulang dengan kejayaan!!



BRIDGE MODEL COMPETITION 2024 (BMC'2024)

Pada 2-3 Oktober, kemenangan pelajar Jabatan Kejuruteraan Awam (JKA) Politeknik Mukah yang berjaya meraih tempat ke-5 dalam kategori IPT daripada 21 kumpulan yang bertanding dalam program ini. Kemenangan ini membuktikan keupayaan pelajar dalam menghasilkan model jambatan yang berkualiti serta kreatif. Program BMC'2024 melibatkan pelajar dari institusi pengajian tinggi (IPTA), serta pelajar sekolah menengah di peringkat kebangsaan.



Program ini telah dirasmikan oleh En. Samsudin Bin Mohd. Saleh, Pengarah Politeknik Kuching Sarawak. Objektif utama program ini adalah untuk mencungkil bakat kreatif dan inovatif pelajar dalam membina model struktur jambatan. Selain itu, program ini juga bertujuan meningkatkan kemahiran teknikal dan menggalakkan persaingan sihat dalam kalangan peserta. Program ini diharapkan dapat memberi impak positif dalam memupuk minat pelajar terhadap bidang kejuruteraan awam dan mencetuskan lebih banyak inovasi dalam pembinaan struktur.

Pautan media sosial program:

<https://www.facebook.com/share/p/18HCXGbrnn/>



Concrete Cube Competition 2024 (i-hesege 2024)

Pada 28-30 September 2024, Jabatan Kejuruteraan Awam, Politeknik Mukah telah menghantar dua pasukan untuk menyertai *International Highest Early Strength Eco-Green Concrete Cube Competition 2024 (i-hesege 2024)* yang berlangsung di Politeknik Sultan Idris Shah (PSIS), Sabak Bernam, Selangor. Pasukan tersebut adalah Hornbill yang diwakili oleh Yesaya Bin Fredick dan Vincent Ujok Anak Ai, serta Biochar Mukah (BMU) yang diwakili oleh Dashiell D'Kaya Desmand dan Muhammad Faris Asyraf.



Kedua-dua pasukan dipimpin oleh penyelia, Ts. Juhaidie Zamani bin Jamaludin dan Dr. Karlvin Anak Jungan. Bertemakan *Eco-Green Concrete Creation: Pioneering Sustainable Solutions for Urban Challenges*, pasukan Jabatan Kejuruteraan Awam, Politeknik Mukah berjaya menghasilkan kiub konkrit menggunakan bahan tambah mesra alam iaitu *Silica Sand* (Hornbill) dan *Gardening Waste Ash* (BMU). Pasukan ini mencatat pencapaian dengan merangkul Anugerah *Sustainability Eco-Green* atas inovasi konkrit mesra alam yang dihasilkan, Anugerah Penyelia Terbaik sebagai pengiktirafan kepada bimbingan cemerlang penyelia, serta Silver Award yang mengiktiraf usaha keras dan kreativiti pasukan.



Pertandingan Projek Kejuruteraan Awam (CENPRO)

Program ini menghubungkan pelajar semester akhir, industri dan alumni yang sudah berjaya dalam kerjaya melalui perkongsian pengalaman. Pelajar juga dapat mengaplikasi kemahiran, memupuk semangat kerja berpasukan mempraktikkan pengetahuan mereka bagi mengaplikasikan konsep asas dalam pengujian bahan dan berkomunikasi dengan baik semasa membentangkan projek akhir. Selain dapat melatih pelajar melaksanakan kerja dengan pemantauan yang minima.



CENPRO 23 diadakan pada 08 Mei 2024 dan CENPRO 24 pada 6 November 2024 melibatkan panel industri serta alumni JKA seramai 12 orang. Ketua panel CENPRO 23 dari JKR Sarawak iaitu Ts. Satwant Singh A/L Sarawan Singh dan En Adzahari bin Baini Jurutera Air Bahagian Ketua panel CENPRO 24. Tiga (3) kategori dipertandingkan iaitu kategori utama (Projek terbaik), kategori Khas (pilihan jabatan dan pilihan industri) serta kategori poster terbaik. Selain itu pingat pencapaian kumpulan turut dinobatkan dengan pingat emas, perak dan gangsa. Pemenang kategori utama akan mewakili jabatan ke pertandingan inovasi diperingkat yang lebih tinggi.



Program Jalinan Kasih : Madrasah Al-Quran Mukah (MAQUM)

Pada 2 November 2024, Program Jalinan Kasih : Perkongsian Ilmu Dan Penambahbaikan Komuniti Madrasah Al-Quran Mukah (MAQUM) anjuran Jabatan Kejuruteraan Awam dengan kerjasama YES PMU telah berlangsung di Madrasah Al-Quran Mukah (MAQuM), Kg Judan, Mukah, Sarawak. Penyertaan seramai 60 orang dari pelajar dan pensyarah JKA, pelajar dan Guru MAQuM serta jemputan. Matlamat utama program adalah Perkongsian ilmu melalui CSR.



Pelaksanaan program ini memberi impak yang positif dalam kalangan warga madrasah tersebut tentang kepentingan pertanian dan tanaman holtikultur. Selain itu, para pelajar yang menyertai program ini turut dapat berkongsi ilmu pertanian dengan melakukan demonstrasi. Ia menyumbang kepada pembentukan sahsiah dan jati diri pelajar serta membuka peluang kepada mereka untuk berkomunikasi dan berinteraksi dengan masyarakat pada peringkat umur yang berbeza di dalam komuniti setempat. Perkongsian ilmu dalam bidang pertanian berasaskan penanaman hidroponik telah diterajui oleh Pn Mazlin Wallington dan Ts Mohammad Fadzli bin Hj Jawawi. Majlis penyerahan telah disempurnakan oleh En Iskandar bin Reduan, Timbalan Pengarah Akademik, Politeknik Mukah.



SUKAN JABATAN KEJURUTERAAN AWAM 2024


Pada 19 - 20 April 2024, *Civil Engineering Student Association* (CIENSTA) dengan kerjasama Jabatan Kejuruteraan Awam telah menganjurkan Sukan JKA yang melibatkan pelajar dan staf Jabatan Kejuruteraan Awam. Empat jenis sukan yang dipertandingkan iaitu Bola Jaring, Futsal, Bola Tampar dan Sepak Takraw. Kejohanan sukan ini tberlansung di padang dan gelanggang Politeknik Mukah. Penyertaan dari kalangan semua pelajar setiap semester dan semua pensyarah dan staf.



Matlamat utama program adalah satu pelajar satu sukan. Selain itu, Program ini juga memupuk cara hidup sihat di kalangan pelajar DKA, membentuk sikap kerjasama di dalam satu pasukan, meningkatkan tahap kecergasan dalam bidang sukan dan Merapatkan hubungan silaturahim antara pensyarah dan pelajar Kejuruteraan Awam.



Carta Organisasi Jabatan Kejuruteraan Elektrik



Electrical Engineering Project Innovation Competition & Exhibition

Pada 3 Mei 2024, Jabatan Kejuruteraan Elektrik, Politeknik Mukah telah menganjurkan *Electrical Engineering Project Innovation Competition & Exhibition* (EIPEX) Sesi II 2023/2024. Program ini diadakan di Jabatan Kejuruteraan Elektrik dengan melibatkan pelajar Semester 5 bagi kursus DEE50102 Projek II. Program ini bertujuan untuk menggalakkan pelajar menghasilkan projek inovatif dalam bidang kejuruteraan elektrik yang mampu menyelesaikan cabaran teknologi semasa.



Di samping itu, ia menyediakan platform kepada peserta untuk memperkukuhkan kemahiran teknikal, komunikasi dan pembentangan bagi memenuhi keperluan industri. EIPEX ini juga memainkan peranan penting dalam mewujudkan hubungan kolaborasi antara institusi pendidikan, pihak industri, dan komuniti. Program ini berjaya menghasilkan projek yang relevan dan inovatif, membantu pelajar membangunkan kemahiran penyelesaian masalah serta membuka peluang kerjasama strategik dengan Mukah Power Generation, Sekolah Menengah Mukah, MRSM Mukah dan Sarawak Skills. EIPEX menjadi platform berimpak tinggi untuk memupuk kreativiti pelajar dan menyumbang kepada pembangunan teknologi serta hubungan industri.



CSR PERYATIM Bintulu

24 Ogos 2024, Jabatan Kejuruteraan Elektrik, Politeknik Mukah telah menganjurkan program CSR PERYATIM Bintulu di Kompleks Kebajikan Anak-Anak Yatim Bintulu. Program ini bertujuan membantu anak-anak yatim di PERYATIM melalui pelaksanaan projek kemasyarakatan yang berimpak tinggi dan dirasmikan oleh Samsawi bin Bujang, Ketua Jabatan Kejuruteraan Elektrik, Politeknik Mukah. Objektif utama program ini adalah memasang lampu solar bagi menyediakan pencahayaan cekap tenaga dan selamat untuk kegunaan harian penghuni.



Selain itu, aktiviti mengecat juga dilaksanakan untuk menceriakan suasana kompleks serta memupuk hubungan sosial antara staf JKE dan anak-anak yatim melalui interaksi. Program ini memberi impak besar, termasuk peningkatan kualiti hidup penghuni melalui pencahayaan cekap tenaga, suasana kompleks yang lebih ceria dan kondusif serta hubungan erat yang terjalin antara staf dan anak-anak yatim. Dengan kerjasama Lembaga Kebajikan Anak-Anak Yatim Sarawak, program ini menunjukkan komitmen Politeknik Mukah terhadap pembangunan komuniti melalui inisiatif sosial yang mampan.



Program Kelestarian Tenaga Elektrik di Taska Sedidik Mukah

Program ini adalah inisiatif Jabatan Kejuruteraan Elektrik dengan kerjasama YES Politeknik Mukah. Aktiviti ini dilaksanakan untuk memberi manfaat kepada komuniti setempat melalui pemasangan lampu solar di Taska Sedidik Mukah. Tujuan utama program ini adalah untuk menyampaikan ilmu berkaitan teknologi lampu solar, meningkatkan kesedaran peserta mengenai pentingnya kelestarian tenaga elektrik dalam kehidupan serta memperkukuh hubungan antara institusi pendidikan dan komuniti.



Program ini diadakan pada 27 September 2024 di Taska Sedidik Mukah dengan penglibatan seramai 30 staf, 26 pelajar JKE PMU dan 18 ahli komuniti. Aktiviti yang dijalankan adalah taklimat dan pemasangan lampu solar di mana semuanya dijalankan dalam tempoh satu hari. Jawatankuasa pelaksana yang terdiri daripada staf dan pelajar PMU telah dilantik untuk memastikan kelancaran program. Melalui program ini, diharapkan komuniti setempat dapat memahami manfaat penggunaan *renewable energy* seperti lampu solar dan peserta juga mendapat pengalaman dalam khidmat masyarakat. Program ini juga mencerminkan komitmen PMU untuk melibatkan diri dalam pembangunan komuniti secara holistik.



Kolaborasi Kemahiran Pendawaian DUN N.55 Nangka (RH Gelau)

PROGRAM KHIDMAT KOMUNITI DUN N.55 NANGKA, SIBU (Pendawaian semula RH Gelau) ini telah dirancang secara bersepadu oleh YES JKE dengan kerjasama Pusat Khidmat DUN N.55 NANGKA untuk memberikan khidmat kepada komuniti berkaitan kemahiran yang dimiliki agar komuniti mendapat manfaat sepenuhnya dengan baik.



Program ini diadakan pada 01 - 03 November 2024 di RH Gelau, Kemuyang, Sibu Kawasan Dun N.55 Nangka dengan penglibatan seramai 28 orang pensyarah, 15 orang pelajar JKE PMU dan 15 ahli komuniti. Aktiviti yang dijalankan adalah pendawaian semula rumah panjang ke atas tujuh (7) buah rumah. Pendawaian yang telah dilaksanakan melibatkan *Distribution Board* (DB), empat (4) buah lampu dan enam (6) soket bagi setiap rumah. Program ini telah menunjukkan bahawa pencapaian yang sangat baik kerana memberi peluang kepada semua peserta untuk menyumbangkan kepakaran dalam bidang pendawaian elektrik kepada komuniti setempat. Program ini juga inisiatif yang sangat baik dalam memperkukuhkan hubungan baik antara Politeknik Mukah dan komuniti setempat.



CSR : Pendawaian Semula Rumah Pn. Masilia Bariah Abdullah

Yayasan Sukarelawan Siswa (YES) JKE dengan kerjasama Kelab Kebajikan JKE, PMU, Yayasan Sukarelawan Siswa (YES) PMU telah melaksanakan Program Khidmat Komuniti (Pendawaian Semula Rumah Pn. Masilia Bariah Abdullah) bagi menambahbaik sistem pendawaian di rumah beliau.



help rewire homes

MUKAH: Eighteen lecturers from the Electrical Engineering Department (JKE) of Mukah Polytechnic (PMU) initiated a community service programme in Kampung Tellian here recently.

Among the service they implemented was the installation of rewiring electric cable in one of the villager's house.

JKE Volunteer Foundation coordinator, Mohd Ramli Ali said this programme aimed to educate, guide and provide wiring skills to the community.

"The volunteers of this

community programme help to communicate and teach the villagers on the importance of having some skills about electrical components for the benefit of the communities.

"With a community service programme like this, it provides an opportunity to strengthen the relationship between PMU and the local community," he said in a statement. Ramli pointed out through this programme, the expertise and experience of the lecturers in wiring skills could be adopted by the communities.



Program khidmat komuniti ini diadakan pada 30 Mei 2024 di rumah Pn. Masilia Bariah Abdullah di Ulu Tellian, Mukah dengan penglibatan seramai 18 pensyarah Jabatan Kejuruteraan Elektrik dan 15 ahli komuniti. Program ini bertujuan menyumbangkan kepakaran dan tenaga serta bakat pensyarah dalam melakukan pendawaian serta kerja lain untuk mengimbas semula pengetahuan dan pengalaman mereka. Program ini juga mencerminkan komitmen PMU untuk melibatkan diri dalam pembangunan komuniti secara holistik. Dengan adanya program seperti ini, ia memberi peluang untuk mengeratkan hubungan antara pihak PMU dan komuniti luar.



Pembersihan Pantai Kala Dana Mukah



Pada hari ini, 12 Oktober 2024, telah berlangsung satu aktiviti tanggungjawab sosial korporat (CSR) yang dianjurkan oleh Kelab *Electric Engineering Association* (EEA) Politeknik Mukah dengan kerjasama Majlis Daerah Dalat Mukah (MDDM). Program ini diadakan di Pantai Kala Dana Mukah, yang bermula seawal jam 7.00 pagi dan berjaya menarik perhatian ramai pelajar serta warga MDDM untuk bersama-sama menjayakan aktiviti ini.

Aktiviti CSR dimulakan dengan taklimat oleh Encik Nazir, Inspektor Kesihatan MDDM, mengenai kepentingan kebersihan alam sekitar dan impaknya terhadap ekosistem serta komuniti. Program ini bukan sahaja memberi manfaat kepada alam sekitar, tetapi juga mengeratkan hubungan antara pelajar, komuniti, dan MDDM melalui kerjasama yang positif.



Pelancaran Foodbank EEA: Membantu Pelajar Kurang Berkemampuan

Pada 30 September 2024, Kelab *Electric Engineering Association* (EEA) telah melancarkan program Foodbank sebagai salah satu usaha murni untuk membantu pelajar yang kurang berkemampuan. Program ini bertujuan khusus untuk menyediakan bekalan makanan, terutamanya sarapan, kepada pelajar yang memerlukan sebelum mereka memulakan kelas.



EEA mengucapkan terima kasih kepada semua penyumbang dan ahli EEA yang telah menjayakan pelancaran Foodbank. Program ini bertujuan membantu pelajar yang kesulitan menyediakan sarapan, agar mereka dapat memulakan hari dengan penuh tenaga dan fokus dalam pembelajaran. Foodbank EEA diharapkan memberi manfaat kepada lebih ramai pelajar dan memperkukuhkan semangat solidariti dalam komuniti pelajar, dengan harapan lebih banyak pihak akan turut serta dalam menyokong inisiatif ini.



Carta Organisasi Jabatan Kejuruteraan Mekanikal



Bengkel Semakan Bahasa Dan Teknikal

Pada 09 -12 Julai 2024, Bengkel Semakan Bahasa dan Teknikal Bersama Penasihat Akademik dan Penasihat Industri Program Sijil Kejuruteraan Mekanikal telah diadakan di Bilik Seminar ULPL, Politeknik Mukah yang melibatkan pensyarah JKM, penasihat akademik dan penasihat industri. Bengkel ini adalah bertujuan untuk penyemakan dan pemurnian bahasa serta teknikal bagi dokumen kurikulum Program Sijil Kejuruteraan Mekanikal yang bakal ditawarkan pada tahun 2025. Bengkel ini dirasmikan oleh En. Suhaili bin Aleh, Pengarah Politeknik Mukah, Sarawak. Beliau menekankan kepentingan gabungan input akademik dan industri dalam memastikan kurikulum yang lebih baik dan berkualiti dapat dihasilkan serta menepati piawaian. Bengkel ini telah rasmikan oleh En. Suhaili bin Aleh, Pengarah Politeknik Mukah, Sarawak. Beliau menekankan kepentingan input akademik dan industri dalam memastikan kurikulum yang lebih baik dan berkualiti dapat dihasilkan serta menepati piawaian.



En. Anwar bin Yahaya, Penolong Pengarah Kanan Bahagian Kurikulum, Seksyen Kejuruteraan daripada Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti, JPPKK turut hadir bagi memberikan taklimat ringkas mengenai kurikulum dan program sijil yang bakal ditawarkan di Politeknik Mukah. Dua orang penasihat akademik daripada Universiti Teknologi Sarawak, UTS dan seorang daripada Universiti Teknikal Malaysia Melaka, UTEM turut dijemput melalui atas talian MSteam untuk memberi cadangan dan penambahbaikan kurikulum. Manakala seramai sembilan orang penasihat industri daripada pelbagai bidang kejuruteraan telah dijemput untuk membantu memberikan cadangan teknikal tentang pengusunan kandungan kurikulum dan silibus yang relevan dengan keperluan industri. Di samping itu, terdapat empat orang pensyarah daripada Jabatan Pengajian Am, JPA telah dijemput untuk membantu dari segi penyemakan bahasa.



Reskilling and Upskilling Programme

Kursus Asas Pemesinan Dan Kimpalan (*Upskilling & Reskilling*) Untuk Pensyarah Jabatan Kejuruteraan Mekanikal telah diadakan pada 23 hingga 26 Julai 2024 di Bengkel Pemesinan dan Bengkel Kimpalan, Politeknik Mukah. Penceramah kimpalan adalah Abdul Rahman bin Mat Abu Mohamad dan Sophian bin Borhan manakala penceramah pemesinan pula adalah Alfian bin Serail. Seramai 29 orang peserta terdiri daripada pensyarah dan pembantu jurutera menghadiri kursus ini. Melalui kursus ini, peserta diberi tugas untuk menyiapkan projek yang diberikan. Peserta diagihkan kepada beberapa kumpulan dan diberi tempoh masa untuk menyiapkan projek tersebut.



Kursus ini adalah untuk meningkatkan dan mengembangkan kemahiran sedia ada melalui program latihan dan pembelajaran berterusan untuk bidang kimpalan MIG serta pemesinan. Kursus ini juga bertujuan meminimumkan jurang kemahiran antara staf akademik. Selain itu, kursus ini adalah untuk mendapatkan kemahiran baharu untuk staf akademik yang mempunyai latar belakang yang lebih kepada mekanikal pembuatan dan mekatronik melalui pengalaman pembelajaran lateral.



Lawatan Industri Pelajar JKM Siri 2



Lawatan Industri Pelajar JKM Siri 2 telah dilaksanakan pada 12 September 2024 ke Sarawak Energy Berhad, Balingian *Coal Fired Power Plant*. Seramai 30 orang pelajar JKM dan empat orang pensyarah pengiring telah mengikuti lawatan tersebut. Salah satu objektif lawatan ini adalah bertujuan untuk memberi pendedahan kepada pelajar bagaimana pengurusan penyelenggaraan di loji kuasa stim dan mewujudkan perkongsian ilmu antara para pelajar Jabatan Kejuruteraan Mekanikal, PMU dengan pihak syarikat. Di samping itu, lawatan ini mampu memberi peluang kepada para pelajar melihat dengan lebih dekat proses penjanaan tenaga elektrik yang dihasilkan dan meningkatkan kefahaman para pelajar dalam kursus *Thermodynamics* dan *Engineering Plant Technology*.



Sesi taklimat ini telah dikendalikan oleh Pn. Evelyn Sebi Anak Kemarau selaku wakil daripada pihak sayarikat bagi memberikan pelbagai perkongsian informasi kepada para pelajar dalam meningkatkan pengetahuan mereka tentang loji kuasa stim tersebut. Lawatan ini diakhiri dengan penyampaian cenderahati sebagai tanda penghargaan kepada industri di atas kesudian mereka menerima lawatan daripada JKM, PMU.

Program Khidmat Masyarakat (CSR) Bersama SMK THREE RIVERS

Pada 28 September 2024, Jabatan Kejuruteraan Mekanikal telah mengadakan Program Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) "Trash to Treasure" bersama Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Three Rivers, Mukah, Sarawak.

Program ini bertujuan untuk memupuk kesedaran mengenai kepentingan kelestarian alam sekitar selaras dengan matlamat Pembangunan Mampan ke 8 (Decent work and ergonomic growth). Melalui program ini, ia dapat mempraktikkan kaedah pengurusan sisa yang lebih bijak dengan menukar bahan buangan kepada menghasilkan beberapa peralatan sukan yang boleh digunakan semula.



Aktiviti ini bukan sahaja memberi pendedahan mengenai kitar semula, malah turut menekankan kreativiti dan inovasi dalam menukarkan 'sampah' kepada produk yang boleh dimanfaatkan kepada semua pelajar dan pihak sekolah. Program ini juga dapat memberi sumbangan kepada komuniti setempat melalui aktiviti pendidikan dan kesedaran alam sekitar. Dengan kerjasama pihak sekolah, program ini diharapkan dapat memberi keselesaan kepada para pelajar menggunakan kemudahan peralatan sukan yang telah dibuat pembaikan. Impak positif daripada program ini juga dapat mempromosikan Program Kejuruteraan Mekanikal (DKM), Politeknik Mukah kepada para pelajar yang ingin melanjutkan pelajaran ke peringkat diploma.



Mechanical Project Exhibition (MPE) Sesi I: 2024/2025

Mechanical Project Exhibition (MPE) Sesi I:2024/2025, Jabatan Kejuruteraan Mekanikal telah diadakan pada 24 Oktober 2024 di Dewan Serbaguna, Politeknik Mukah. Program ini telah dirasmikan oleh Encik Suhaili bin Aleh, Pengarah Politeknik Mukah Sarawak. Objektif program ini adalah menilai dan mempamerkan hasil projek pelajar Semester 5 Program Kejuruteraan Mekanikal (DKM) serta memberi pengiktirafan kepada projek terbaik pada sesi tersebut. Ia juga dapat meningkatkan tahap keyakinan diri dan kemahiran komunikasi pelajar di samping dapat mengeratkan hubungan di antara pelajar, pensyarah dan pihak industri.



Projek terbaik kali ini dimenangi oleh kumpulan Automatic Angklung yang diselia oleh En. Khairulbadri bin Ahmad. Kumpulan ini juga bersama kumpulan seliaan En. Amirul bin Md Ali telah dijemput untuk mempamerkan hasil projek mereka di dalam Program Sustainable Development Goal (SDG) di Tapak Kala Dana, Mukah Sarawak pada 16 November 2024. Projek terbaik kali ini dimenangi oleh kumpulan Automatic Angklung yang diselia oleh En. Khairulbadri bin Ahmad. Kumpulan ini juga bersama kumpulan seliaan En. Amirul bin Md Ali telah dijemput untuk mempamerkan hasil projek mereka di dalam Program Sustainable Development Goal (SDG) di Tapak Kala Dana, Mukah Sarawak pada 16 November 2024.



Alumni Mentorship Programme

Alumni Mentorship Programme (AMP) telah diadakan pada Khamis, 31 Oktober 2024 di Dewan Kuliah Utama, Politeknik Mukah. Program ini melibatkan pelajar seramai 157 orang daripada semester 3, 4 dan 5 Jabatan Kejuruteraan Mekanikal, Politeknik Mukah. Seramai lima orang alumni Jabatan Kejuruteraan Mekanikal telah dijemput sebagai penceramah iaitu Haritz Suzario Bin Jaraiee dari F.J Resources Company, Dayang Khatika Binti Awang Mohamad Nortermizi dari Sarawak Energy Berhad, Isaac Bin Bonnie dari Alfa Laval Malaysia Sdn Bhd, serta Raynan Liong Kau Yung dan Mohd Sukria Bin Kulilin dari Petronas Carigali.



Program ini adalah satu program yang dianjurkan untuk mewujudkan peluang bimbingan yang membolehkan pelajar semasa atau lulusan baru (yang disebut sebagai mentee) dari Jabatan Kejuruteraan Mekanikal untuk berhubung dengan alumni yang berpengalaman dengan tujuan untuk membantu dalam meningkatkan pengetahuan, kemahiran insaniah serta pengalaman, terutamanya yang berkaitan dengan prospek kerjaya masa depan mereka. Program ini dilaksanakan menerusi kaedah forum secara hibrid (DKU dan atas talian) oleh alumni-alumni (mentor) kepada pelajar semasa (mentee), yang mana setiap mentor akan berkongsi dan memberi ceramah tentang perjalanan kerjaya mereka. Program ini dianjurkan bertujuan untuk memberi pendedahan kepada pelajar Jabatan Kejuruteraan Mekanikal kepada alam pekerjaan sebenar melalui perkongsian pengalaman dan ilmu oleh alumni yang sedang bekerja. Selain itu, program ini juga bagi memenuhi KPI Unit CISEC (Kolaborasi dan Alumni) dan KPI JKM (Aktiviti Alumni) serta memperkukuhkan hubungan Politeknik Mukah bersama industri, khususnya dalam bidang Kejuruteraan Mekanikal melalui penyertaan alumni dalam aktiviti di Politeknik Mukah.

Kem Pembangunan Diri dan Sahsiah

Kem Jati Diri 2.0 telah diadakan di Kem Belia Mukah pada 1 hingga 3 November 2024. Seramai 26 orang peserta dan 14 orang jawatankuasa telah menyertai program ini. Program ini bertujuan untuk memantapkan, mengiktiraf dan membantu meningkatkan pembabitin pelajar bagi tujuan melahirkan pelajar yang berketerampilan dan cemerlang. Selain itu, program ini juga untuk membentuk sahsiah murid agar lebih berdisiplin dan membantu peserta mengenali potensi diri, membina keyakinan, dan mengembangkan nilai-nilai positif bagi membentuk individu yang berdaya saing dan bertanggungjawab.



Melalui maklumbalas peserta, mereka menunjukkan kepuasan dan rasa syukur atas pengalaman yang mereka perolehi. Mereka melaporkan terdapat peningkatan keyakinan diri, lebih memahami diri sendiri, serta merasa lebih bersemangat untuk menghadapi cabaran hidup. Ramai peserta juga berkongsi bahawa kem tersebut memberi mereka pencerahan dalam mengenal pasti matlamat hidup, mengukuhkan nilai persahabatan, dan memperbaiki kemahiran komunikasi serta kerjasama. Sebahagian peserta mengakui bahawa kem ini membantu mereka mengatasi rasa rendah diri dan memberi dorongan untuk terus berkembang.

Melalui maklumbalas peserta, mereka menunjukkan kepuasan dan rasa syukur atas pengalaman yang mereka perolehi. Mereka melaporkan terdapat peningkatan keyakinan diri, lebih memahami diri sendiri, serta merasa lebih bersemangat untuk menghadapi cabaran hidup. Ramai peserta juga berkongsi bahawa kem tersebut memberi mereka pencerahan dalam mengenal pasti matlamat hidup, mengukuhkan nilai persahabatan, dan memperbaiki kemahiran komunikasi serta kerjasama. Sebahagian peserta mengakui bahawa kem ini membantu mereka mengatasi rasa rendah diri dan memberi dorongan untuk terus berkembang.



Carta Organisasi Jabatan Perdagangan



CSR SEJAHTERA BERSAMA KOMUNITI KAMPUNG KUALA SEGAN

BINTULU, 13 OKTOBER 2024 - Program CSR Sejahtera Bersama : CSR Untuk Komuniti Kampung Kuala Segan telah dilaksanakan di Kampung Kuala Segan, Bintulu.

CSR SEJAHTERA
BY JABATAN PERDAGANGAN



Program ini telah dilaksanakan dengan kerjasama komuniti Kampung Kuala Segan beserta 22 orang pensyarah, 2 orang alumni dan 39 orang pelajar dari Jabatan Perdagangan.

Objektif pelaksanaan program ini bukan sahaja dapat berkhidmat kepada komuniti setempat melalui sumbangan tenaga dalam melaksanakan aktiviti gotong-royong, malahan juga dapat menguatkan hubungan silaturahim antara dua pihak yang terlibat. Program sebegini juga dapat memupuk semangat kesukarelawan dalam diri pelajar sekaligus dapat mendedahkan para pelajar kepada dunia di luar Politeknik Mukah.



BEACH RESCUE : LINDUNGI LAUTAN, DAN IA AKAN MELINDUNGI KITA

MUKAH, 23 FEBRUARI 2024 - Program 'Beach Rescue', anjuran Diploma Sains Kesetiausahaan Jabatan Perdagangan, Politeknik Mukah, dengan kerjasama Majlis Daerah Dalat dan Mukah, telah berlangsung dengan jayanya.

BEACH RESCUE **BY JABATAN PERDAGANGAN**

Program CSR membersihkan kawasan Pantai Kala Dana selama 2 jam ini telah disertai oleh pelajar dan pensyarah Jabatan Perdagangan. Mereka telah berjaya mengumpul 56 beg plastik sampah sepanjang program berlangsung.

Program ini secara tidak langsung menyumbang kepada impak positif kelestarian alam dan menyokong Sustainable Development Goals 14 Life Below Water.

Terima kasih kepada semua yang mengambil bahagian dalam acara ini dan menyumbang untuk menjadikan alam sekitar kita lebih sihat.



JELAJAH AKAUNTAN MUDA “TRUST ME, I’M AN ACCOUNTANT”

MUKAH, MAC - OKTOBER 2024 - Program Jelajah Akauntan Muda telah dilaksanakan sebanyak 6 siri bermula daripada Jelajah Akauntan Muda 3.0 pada bulan Mac sehingga Jelajah Akauntan Muda 8.0 pada bulan Oktober.

Program ini dilaksanakan oleh para pelajar Diploma Akauntansi Politeknik Mukah yang mengambil kursus DPA50173 Professional Ethics dengan bimbingan para pensyarah Diploma Akauntansi.



Program ini merupakan kesinambungan program Jelajah Akauntan Muda yang dilaksanakan pada setiap sesi pengajian. Sepanjang penganjuran program ini bagi tahun 2024, Diploma Akauntansi telah bekerjasama dengan pelbagai pihak seperti akauntan bertauliah, Jabatan Perbendaharaan Negeri Sarawak dan Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.

Objektif pelaksanaan program ini bukan sahaja sebagai pendedahan kepada para pelajar berkaitan dengan badan kerajaan yang melibatkan perakaunan di Malaysia, tetapi ianya juga bertujuan untuk memberikan peluang kepada para pelajar berinteraksi secara langsung dengan agensi kerajaan dan akauntan yang bertauliah di Malaysia.



PERTANDINGAN MINI POLYSKILLS JABATAN PERDAGANGAN

MUKAH, 14 OKTOBER 2024 - Pertandingan Mini Polyskills Jabatan Perdagangan Sesi I: 2024/2025 anjuran pelajar semester akhir program Diploma Sains Kesetiausahaan yang mengambil kursus DPK50183 Event Organization telah dilaksanakan dengan jayanya. Seramai 25 orang pelajar daripada pelajar semester 3 program Diploma Sains Kesetiausahaan dan Diploma Akauntansi telah menyertai Pertandingan pada sesi kali ini yang bertempat di Makmal Menaip, Jabatan Perdagangan dan Makmal Teknologi Perakaunan, Jabatan Perdagangan.



Objektif pelaksanaan program ini adalah bertujuan untuk memenuhi keperluan penilaian kursus DPK50183 Event Organization bagi pelajar semester 5 program Diploma Sains Kesetiausahaan. Program ini juga dianjurkan bertujuan untuk mengetengahkan bakat pelajar dalam bidang kesetiausahaan dan bidang akauntansi di samping melahirkan graduan yang mampu berdaya saing di peringkat luar. Selain itu, program ini juga turut memberikan pelajar pendedahan dan pengalaman sebenar sebagai persediaan sekiranya mereka terpilih untuk mewakili institusi dalam Pertandingan Polyskills pada masa akan datang.



EXPLORING COST & MANAGEMENT ACCOUNTING

BELAWAI, 9 OKTOBER 2024 - Program Exploring Cost & Management Accounting in Manufacturing Industry anjuran Program Diploma Akauntansi dengan kerjasama Pusat Tenunan Songket Kampung Rajang telah dilaksanakan dengan jayanya. Seramai 51 orang pelajar semester 3 yang mengambil kursus DPA30073 Cost and Management Accounting 1 dan 4 orang pensyarah pengiring telah terlibat dalam program ini.



Objektif pelaksanaan program ini adalah untuk meningkatkan kefahaman pelajar secara praktikal mengenai aplikasi konsep perakaunan kos dan pengurusan dalam dunia sebenar, khususnya dalam industri pembuatan. Selain itu, program ini turut memberi pendedahan kepada pelajar untuk mengenal pasti elemen-elemen utama yang terlibat dalam proses pengeluaran melalui sistem pengurusan yang berkesan. Dengan kerjasama Pusat Tenunan Songket Kampung Rajang, program ini bukan sahaja mampu meningkatkan kualiti pembelajaran pelajar melalui pengalaman praktikal yang bermakna, tetapi juga menyumbang secara signifikan kepada pembangunan dan promosi industri tempatan secara keseluruhan.



KARNIVAL JABATAN PERDAGANGAN SESI I: 2024/2025

MUKAH, 4-6 OKTOBER 2024 - Program Karnival Jabatan Perdagangan Sesi I: 2024/2025 telah diadakan dengan melibatkan pelajar Jabatan Perdagangan dari semester 1 hingga semester 6 selama 3 hari, Jumaat hingga Ahad. Karnival Jabatan Perdagangan ini diadakan bagi menggalakkan penglibatan pelajar melalui aktiviti sihat di samping meningkatkan keyakinan pelajar beraksi di khalayak ramai serta membantu dalam pembentukan pembangunan diri pelajar.



Aktiviti utama yang dijalankan adalah penanaman pokok serta pendidikan tentang pengurangan jejak karbon. Program ini memberi impak besar kepada komuniti kampus, antaranya meningkatkan kesedaran terhadap kepentingan menjaga alam sekitar, menggalakkan amalan hijau yang konsisten, menyokong usaha pengurangan jejak karbon dan membentuk komuniti yang lebih prihatin terhadap kelestarian. Selain itu, ia juga menjadi platform untuk inovasi dan penyelidikan berkaitan inisiatif hijau. Program ini berjaya mendapat liputan media dan memperkukuh imej Politeknik Mukah sebagai institusi yang komited terhadap kelestarian alam sekitar dan pembangunan mampan di Sarawak.



COMMERCE RESEARCH, INNOVATION & TECHNOLOGY EXHIBITION (CTEX) DAN IMPACT DIGITAL ENTREPRENEURSHIP APPRENTICE (IDEA@PMU)

MUKAH, 31 OKTOBER 2024 - Program *Commerce Research, Innovation & Technology Exhibition* (CTEX) telah diadakan di Dewan Serbaguna (DSG) dan melibatkan sebanyak 17 kumpulan terdiri daripada pelajar semester akhir Diploma Pengajian Perniagaan dan Diploma Sains Kesetiausahaan Sesi I 2024/2025. Semua kumpulan telah berentap dan mempersembahkan idea inovasi dan kertas kajian yang berkualiti dan sangat menarik. Bukan itu sahaja, Program *Impact Digital Entrepreneurship Apprentice* (IDEA@PMU) turut berlangsung pada hari dan tempat yang sama. Sebanyak 23 kumpulan telah bertanding dengan penuh semangat.



Para panel penilai yang terdiri daripada pensyarah berpengalaman dan wakil industri telah menobatkan pemenang untuk dua program tersebut. Sebanyak 5 kategori telah dipertandingkan dalam Program CTEX iaitu: Kategori Projek Terbaik, Kategori Pembentang Terbaik (Individu), Kategori Pemenang Video Projek Terbaik, Kategori Pemenang Poster Terbaik dan Kategori Pemenang Booth Terbaik. Manakala, sebanyak 5 kategori juga telah dipertandingkan dalam Program IDEA@PMU iaitu: Kategori Pembentangan Terbaik, Kategori Website Terbaik, Kategori Pengguna E-Commerce Terbaik, Kategori Booth Terbaik dan Kategori Video USP Terbaik.




Carta Organisasi Jabatan Teknologi Maklumat & Komunikasi

CARTA ORGANISASI JABATAN TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI POLITEKNIK MUKAH


KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI


POLITEKNIK
MALAYSIA
MUKAH



#pmugemilang

Tarikh kemaskini: 1 Julai 2024

PSH : BENGKEL CYBERSECURITY

Program dilaksanakan pada 31 Januari 2024 (Rabu) di Makmal Rangkaian Komputer 3 (CNL3) JTMK, Politeknik Mukah. Seramai 39 orang peserta dari Sarawak Skills Mukah telah menyertai bengkel ini. Bengkel ini dianjurkan oleh Jabatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi bersama Unit Center of Technology dengan kerjasama Unit Latihan Pendidikan Lanjutan, Politeknik Mukah.



Berikut adalah kewajaran program dilaksanakan:

- Perkongsian kepakaran tenaga latihan dan kemahiran melalui Bengkel Cybersecurity yang dilaksanakan oleh pengajar-pengajar Jabatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi Politeknik Mukah kepada pelajar-pelajar dan pegawai-pegawai Sarawak Skills adalah satu usaha yang strategik dalam menjana modal insan yang berpengetahuan dan inovatif bagi memenuhi keperluan industri.
- Bengkel yang dilaksanakan juga secara tidak langsung telah mempromosikan Politeknik kepada peserta terutamanya kepada pelajar-pelajar Sarawak Skills bagi menarik minat mereka untuk memilih Politeknik sebagai tempat terbaik untuk menyambung pengajian Diploma dalam bidang IT.



EKSPO PROJECT ICT KALI -16 (EPICT 16.0)

Program dilaksanakan pada 7 Mei 2024 di Makmal Komputer dan Lobi Jabatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi, Politenik Mukah. Pengisian program memberikan fokus kepada sesi pembentangan projek pelajar. Sebanyak 12 kumpulan projek telah berjaya membentangkan hasil projek bagi kumpulan masing-masing semasa program. Selain itu, Program Data Mining dan Aplikasinya Dalam Kehidupan Sehari-Hari dan Program Ethical Hacking juga telah diadakan semasa EPICT 16.0.



Program ini dianjurkan bertujuan untuk (a) Menilai hasil akhir projek pelajar (end-product) mengikut trek masing-masing., (b) Menilai dan memberikan cadangan penambahbaikan sesuai dengan keperluan industri terkini., (c) Menyumbang kepada jumlah penglibatan Pensyarah Pelawat Industri (PPI) Jabatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (JTMK). (d) Memberi pendedahan awal mengenai dunia pekerjaan kepada para pelajar JTMK.



BAZAR JTMK SESI II: 2023/ 2024 DFT30103 CYBERPRENEURSHIP

DFT30103 Cyberpreneurship merupakan salah satu kursus yang ditawarkan kepada pelajar DDT pada Semester 3, menyediakan gambaran keseluruhan yang luas tentang peranan pemikiran keusahawanan dan inovasi dalam memajukan perniagaan berfokuskan IT. Pelajar akan mengkaji bagaimana kemahiran ini boleh dimanfaatkan untuk mencipta perniagaan berasaskan IT baharu serta mencipta kelebihan daya saing untuk perniagaan sedia ada melalui produk dan perkhidmatan IT.



Bazar JTMK dianjurkan pada setiap semester pengajian sebagai satu platform kepada pelajar untuk mengembangkan pengetahuan dan kemahiran dalam bidang keusahawanan. Selain itu, adalah diharapkan dapat meningkatkan minat pelajar untuk menjalankan perniagaan secara kecil-kecilan. Di samping itu, pelajar dapat meluaskan kemahiran lain dalam aspek kepimpinan dan kerja berpasukan.

Pada Sesi II: 2023/ 2024 Bazar JTMK telah dilaksanakan pada 07 Mei 2024 di perkarangan Kantin PMU. Seramai 26 orang pelajar terlibat dengan Bazar JTMK kali ini dibawah kendalian sepenuhnya oleh Ts. Mariati binti Masduki dan En Mohamad Ruzaini bin Mohd Roni selaku pensyarah kursus DFT30103 Cyberpreneurship.



CSR SUKARELAWAN POLYCC: KHIDMAT BAKTI LONJAK PRESTASI



Program dilaksanakan pada 11 Mei 2024 di SMK Bekenu, Subis Miri. Sebanyak 5 aktiviti telah berjaya dilaksanakan berdasarkan objektif program iaitu Bengkel Tips Matematik SPM, Cybersecurity Awareness Talk, Bengkel Flutterflow, Ceramah Outreach PolyCC, dan Pameran Projek Pelajar.

Program ini dianjurkan bertujuan untuk (a)Perkongsian ilmu dan kemahiran kepada para guru bagi pembangunan aplikasi mudah alih menggunakan aplikasi Flutterflow., (b)Meningkatkan kesedaran pelajar tentang keselamatan siber melalui Bengkel Cybersecurity., (c)Memberi sokongan tambahan kepada para pelajar yang akan menghadapi peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) bagi subjek Matematik mengadakan Bengkel Tips Matematik SPM., (d)Mengadakan pameran projek pelajar bagi menyediakan peluang kepada para pelajar sekolah untuk melihat hasil projek inovasi pelajar JTMK PMU sekaligus meningkatkan minat mereka kepada bidang Teknologi Maklumat., (e) Menarik minat pelajar menyambung pengajian ke Politeknik melalui Ceramah Outreach PMU kepada para pelajar.



DDT TECHLYMPIC 2024 - Julung kalinya di UTS, SibU

Program dilaksanakan pada 10 Oktober 2024 di UTS. University of Technology Sarawak (UTS) dipilih sebagai lokasi atas keperluan perkongsian kepakaran yang menepati kandungan silibus kursus DFC40243 System Analysis and Design. Pengisian program memberikan fokus kepada sesi pengenalan kepada proses inovasi, brainstorming idea projek, sesi latihan kemahiran teknikal (penggunaan perisian dan perkakasan) serta latihan pembentangan (mock presentation).



Program ini dianjurkan bertujuan untuk (a) Meningkatkan Kemahiran dan Pengetahuan Peserta: Memberikan latihan dan bimbingan kepada peserta tentang aspek teknikal dan pengurusan projek inovasi, supaya mereka lebih bersedia untuk menghadapi cabaran dalam pertandingan., (b) Mendorong Kreativiti dan Inovasi: Menggalakkan peserta untuk mencipta dan mengembangkan idea baru, serta meneroka penyelesaian inovatif bagi masalah yang relevan, melalui sesi brainstorming dan workshop., (c) Mewujudkan Jaringan dan Kerjasama: Menyediakan platform untuk peserta berinteraksi dan berkolaborasi dengan rakan, mentor dan industri, yang dapat membantu mereka membina rangkaian yang berguna untuk perkembangan projek mereka dan kerjaya masa depan.



JARINGAN KEMAHIRAN CS CLUB DAN SITS DI UTS

CS Club bersama Society of IT Student (SITS) telah menganjurkan program Jaringan Kemahiran bertempat di University of Technology Sarawak (UTS) pada 24 Oktober 2024 yang lepas. Objektif program ini bertujuan untuk memperkukuhkan kemahiran dan pengetahuan dalam bidang Teknologi Maklumat, khususnya dalam aspek keselamatan siber (*cybersecurity*). Program ini menyediakan platform bagi ahli kelab berkongsi pengetahuan melalui pelbagai aktiviti interaktif.



Melalui sesi praktikal dan permainan yang dirancang, para peserta berpeluang mengembangkan kemahiran baru dalam suasana yang menarik dan kolaboratif. Selain memberi penekanan terhadap aspek teknikal, program ini juga mendorong kerjasama erat antara ahli - ahli kelab, dengan harapan dapat membina jaringan sosial yang kukuh dan berterusan di kalangan pelajar.

Inisiatif ini diharapkan mampu mewujudkan komuniti pelajar yang mahir dan berdaya saing dalam dunia IT, selari dengan matlamat UTS untuk melahirkan graduan yang siap siaga menghadapi cabaran industri.



AUDIT DALAMAN ZON EKSA BIL. 2/2024


Audit Dalaman Zon Markisa Bil.2/2024 merupakan aktiviti yang dirancang selari dengan keperluan yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Induk EKSA Politeknik Mukah (PMU). Audit ini dilaksanakan sebagai persediaan untuk menghadapi Audit Dalaman EKSA PMU Siri 2/2024 pada 18 hingga 20 November 2024 yang akan datang. Auditor EKSA yang telah dilantik untuk audit dalaman kali ini ialah En.Muhammad Helmi bin Affendi dari Zon Epal dan En. Khawarizmi Rafie dari Zon Pisang.



Dalam audit dalaman kali ini juga, pengurusan Jawatankuasa Zon Markisa sendiri sepakat untuk memberi perhatian audit kepada komponen penilaian EKSA yang berikut:

- Komponen B:(ruang pejabat/workstation/Bilik pegawai)
- Komponen C (Tempat Umum) laluan utama/ koridor, surau, pantri, bilik mesyuarat dan tandas
- Komponen D (Keselamatan Persekitaran)
- Komponen E (Persekitaran)
- Komponen F (Bilik Kuliah, Dewan, Lab)

Audit Dalaman Zon Markisa pada kali ini juga turut mempertandingkan 2 kategori iaitu pertandingan ruang kerja terbaik dan pertandingan lokasi EKSA terbaik.



Carta Organisasi Jabatan Matematik, Sains & Komputer

CARTA ORGANISASI JABATAN MATEMATIK, SAINS & KOMPUTER POLITEKNIK MUKAH



#pmugemilang

Tarikh kemaskini: 6 September 2024

STEM Sparks: Scratch Wizards

Pada 30 Oktober 2024, Program STEM Sparks: Scratch Wizards telah berlangsung di Jabatan Matematik, Sains dan Komputer (JMSK) yang disertai oleh 45 orang murid-murid sekolah rendah serta guru pengiring. Program ini memberi tumpuan kepada memanfaatkan rasa ingin tahu dan kreativiti pelajar dengan mengajar mereka membina animasi, permainan dan projek penyelesaian masalah, sambil membangunkan kemahiran STEM yang penting seperti logik, kerjasama dan pemikiran kritis.



Dengan kerjasama Pejabat Pendidikan Daerah Mukah, program ini disusun untuk membina kemahiran pelajar dalam pengaturcaraan Scratch secara progresif, sambil menerapkan konsep STEM dalam setiap aktiviti. Ini adalah usaha berterusan Jabatan Matematik, Sains dan Komputer dalam menjalankan pelbagai aktiviti khidmat masyarakat seperti pameran teknologi dan bengkel STEM di peringkat komuniti setempat. Usaha ini bukan sahaja mempromosikan pendidikan STEM, malah memperkenalkan Politeknik Mukah sebagai institusi yang menyokong pembangunan modal insan berkualiti tinggi.



PBL STEM: Dari Konsep ke Realiti



Jabatan Matematik, Sains dan Komputer telah melaksanakan program PBL STEM: Dari Konsep ke Realiti untuk pelajar tingkatan tiga di MRSM Mukah dengan tujuan utama meningkatkan pemahaman pelajar terhadap konsep Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) melalui pendekatan hands-on. Objektif program ini adalah untuk membina kemahiran berfikir kritikal serta keupayaan menyelesaikan masalah secara kolaboratif, di samping menggalakkan minat dan keyakinan pelajar dalam bidang STEM. Program ini juga bertujuan memberikan pengalaman langsung kepada pelajar dengan melibatkan mereka dalam aktiviti praktikal yang menekankan aplikasi teori STEM dalam situasi sebenar, sekali gus menjadikan pembelajaran lebih bermakna dan relevan.



Program yang dijalankan selama satu hari ini menyediakan modul-modul interaktif yang bertujuan mencetuskan pemikiran kreatif dan inovatif. Aktiviti-aktiviti ini memberi ruang kepada pelajar untuk berfikir secara kritis dalam suasana yang menarik dan menyeronokkan, sambil menanam keyakinan dalam diri mereka untuk terus meneroka bidang STEM. Pendekatan kolaboratif yang diterapkan juga memupuk nilai kerjasama dan kebolehan bekerja dalam kumpulan, yang penting untuk kejayaan mereka di masa hadapan.

Program Capstone Bootcamp 2024



Pada 8 November 2024 (Jumaat), telah berlangsung program Capstone Bootcamp 2024 yang disertai oleh 98 orang peserta. Ini adalah program intensif jangka pendek yang direka untuk membantu pelajar menyiapkan tugas komprehensif terakhir bagi kursus DBC20012 Computer Application. Projek ini bertujuan untuk menggabungkan pengetahuan dan kemahiran yang diperoleh dalam kursus yang berkenaan dan mengaplikasikannya kepada masalah sebenar atau cabaran profesional.

Dalam program ini, peserta akan menerima bimbingan daripada pensyarah dalam membantu menyusun dan merancang projek menggunakan perisian pengurusan projek. Peserta program ini juga berpeluang menerima maklum balas daripada rakan peserta serta pensyarah untuk memperhalusi hasil kerja mereka. Akhir sekali, peserta akan mendapat bantuan dan bimbingan untuk persiapan Pentaksiran Akhir bagi kursus berkenaan. Secara keseluruhannya, program ini dapat meningkatkan kemahiran psikomotor terutamanya menggunakan perisian Microsoft Project.



Program PSH: Kursus Canva Editing Skills

Pada 30 Oktober 2024, Kursus Canva Editing Skills telah dianjurkan di Makmal Komputer CAD2, Jabatan Matematik, Sains dan Komputer (JMSK). Program ini disertai oleh 27 orang peserta yang terdiri daripada guru-guru sekolah di Daerah Mukah. Ia bertujuan untuk memberi pemahaman asas mengenai penggunaan Canva serta melatih peserta menghasilkan reka bentuk grafik yang menarik dan profesional. Program ini telah diselenggarakan oleh JMSK dengan kerjasama Unit Latihan dan Pendidikan Lanjutan (ULPL), Politeknik Mukah.



Peserta belajar asas reka bentuk grafik seperti menambah teks, imej, ikon serta menggunakan elemen seperti warna, tipografi dan penjajaran. Pada sesi petang, mereka mereka bentuk poster dan brosur menggunakan templat atau dari awal, mempraktikkan penyesuaian reka bentuk untuk bahan promosi yang efektif. Program diakhiri dengan soal jawab dan penyampaian sijil. Peserta menunjukkan minat tinggi, memberikan maklum balas positif terhadap pendekatan interaktif. Program ini berjaya meningkatkan kemahiran peserta, membantu menghasilkan bahan promosi sekolah yang kreatif dan berkualiti.



Kelestarian Alam (Tanaman Hidroponik)

Pada 18 hingga 19 Januari 2024, Jabatan Matematik, Sains dan Komputer melaksanakan bengkel Kelestarian Alam (Tanaman Hidroponik) untuk mendedahkan ilmu peserta kepada sistem hidroponik. Aktiviti bengkel melibatkan sesi praktikal, di mana peserta akan memasang sistem hidroponik mini, memahami peranannya dalam menjimatkan ruang dan air, serta mengurangkan risiko serangan perosak. Peserta turut diajar cara menyelesaikan masalah biasa, seperti kekurangan nutrien atau pertumbuhan alga dalam sistem. Selain itu, bengkel ini memberi fokus kepada kepentingan hidroponik dalam menyokong pertanian lestari, terutamanya di kawasan bandar yang terhad ruang tanahnya.



Pada akhir bengkel, peserta diharapkan dapat mengaplikasikan ilmu yang diperoleh untuk memulakan projek hidroponik di persekitaran pejabat, di rumah atau komuniti mereka. Sesi soal jawab dan perbincangan juga dijalankan bagi memperkukuh pemahaman serta berkongsi pengalaman dan idea inovatif. Bengkel ini bukan sahaja memberi manfaat kepada individu, tetapi juga kepada usaha memperkasakan komuniti dalam meningkatkan hasil tanaman secara mampan.



Bengkel Penulisan Penyelidikan ke Arah Kelestarian PMU

Sebagai usaha menggalakan para pensyarah untuk menghasilkan penulisan penyelidikan, Bengkel Penulisan Penyelidikan Ke Arah Kelestarian Alam telah dilaksanakan pada 24 Januari 2024 di Jabatan Matematik, Sains dan Komputer. Ia juga adalah usaha untuk meningkatkan kemahiran pensyarah dalam kaedah penulisan penyelidikan yang berimpak tinggi dan kertas penyelidikan yang berkualiti.



Bengkel ini juga mendedahkan kepada pensyarah dalam langkah-langkah merancang penulisan yang berkualiti bermula daripada pemilihan tajuk, pengenalan, kajian literasi, metodologi kajian, analisa kajian dan rumusan yang lebih tepat dan tersusun. Selain itu, menerusi bengkel ini juga pensyarah diperkenalkan dengan perisian - perisian yang boleh digunakan dalam penulisan penyelidikan yang memerlukan pelbagai rujukan. Bengkel ini telah dikendalikan oleh penceramah jemputan iaitu Dr. Habsah binti Mohd. Sabli, Ketua Unit Penyelidikan, Inovasi dan Komersialan, Politeknik Mukah. Atas kejayaan program ini, ia akan dijadikan aktiviti tahunan atau semester bagi meningkatkan hasil penulisan penyelidikan yang berkualiti sekaligus mencapai KPI institusi.



Engineering Science Finals Clash



Pada 8 November 2024, Jabatan Matematik, Sains dan Komputer telah mengambil inisiatif untuk melaksanakan program Engineering Science Finals Clash akan memberi fokus kepada persediaan pelajar pada minggu kuliah ke-13 sebelum menduduki Peperiksaan Akhir (PA) bagi kursus DBS10042 *Engineering Science*. Kursus ini merupakan kursus teras yang perlu diambil oleh semua pelajar program kejuruteraan yang ditawarkan di Politeknik Mukah

Seramai 80 orang peserta yang telah terlibat diselia oleh 6 orang pensyarah kursus bagi mengulangkaji topik dan menjawab soalan menggunakan teknik yang berkesan. Program ini terbukti telah meningkatkan tahap pencapaian hasil pembelajaran kursus DBS10042 dalam Peperiksaan Akhir. Bagi melatih dan memupuk kemahiran kepimpinan dan mengurus aktiviti, pelaksanaan program ini juga telah dibantu oleh barisan Jawatankuasa yang diketuai oleh pelajar Kennethdy Uju anak Standly.



Program Boost English & Employment Skills (BEES) Bootcamp

Program *Boost English & Employment Skills (BEES) Bootcamp* ini dirancang khas untuk meningkatkan kemahiran bahasa Inggeris dan persediaan dunia pekerjaan bagi pelajar. Program ini memberi tumpuan kepada pengembangan kemahiran yang sangat diperlukan dalam dunia pekerjaan masa kini sambil memberikan pendedahan yang mendalam kepada strategi berkesan untuk berjaya dalam karier bakal graduan. Program ini juga mendedahkan para pelajar tentang teknik komunikasi dengan komuniti setempat.



Program ini telah berjaya dilaksanakan pada 20 & 27 sehingga 29 September 2024 bertempat di Politeknik Mukah dan Champs Education, Miri. Melalui program sumbangan komuniti, pelajar dapat mempraktikkan kemahiran berkomunikasi secara berkesan disamping mempelajari dan menghormati budaya setempat. Pendedahan pelajar terhadap komuniti setempat juga dapat membantu dalam promosi Politeknik Malaysia. Selain itu, program seperti ini juga dapat menyumbang kepada KPI 3 iaitu program pembangunan pelajar berciri holistik. Melalui program ini, pelajar PMU dapat memperkasakan bakat serta memberi sumbangan yang berkekalan kepada pembangunan komuniti dan institusi.



Program Sentuhan Kasih Emas

Program sentuhan kasih emas dianjurkan adalah memfokuskan topik tanggungjawab individu terhadap masyarakat dan alam sekitar di bawah kursus MPU23042 Nilai Masyarakat Malaysia. Pelbagai aktiviti yang dilaksanakan antaranya senaman ringan, gotong royong, dan ceramah sentuhan kasih emas. Program ini telah dirasmikan oleh Yang Berhormat Dato Hajjah Hanifah Hajar Taib selaku Timbalan Menteri Ekonomi merangkap Ahli Parlimen P.213 Mukah turut hadir juga Yang terhormat Royston Valentine selaku ADUN N.57 Tellian serta Yang Berhormat ADUN N.58 Balingian bagi menayakan program tersebut.



Program ini diadakan pada 04 dan 05 Oktober 2024 di Persatuan Pembangunan Warga Emas (PAWE), Mukah dengan penglibatan 30 pelajar yang mengambil kursus MPU23042 Nilai Masyarakat Malaysia, 25 staff dan 150 warga emas. Melalui aktiviti program ini, pelajar dapat memupuk rasa kasih dan prihatin terhadap masyarakat khususnya warga emas. Di samping itu, pelajar juga dapat menanam rasa cinta terhadap alam sekitar dengan melakukan pembersihan aktiviti gotong royong. Bukan itu sahaja, pelajar juga dapat bergiat aktif dalam aktiviti sukarelawan yang seimbang dari aspek intelektual dan fizikal.



Program Hari Patriotisme

Program Hari Patriotisme merupakan program yang dianjurkan oleh Jabatan Pengajian Am bagi memberi pendedahan kepada pelajar-pelajar yang mengambil kursus MPU23042 Nilai Masyarakat Malaysia dalam usaha menyemarakkan semangat patriotisme dan rasa cinta kepada negara di kalangan pelajar. Disamping itu juga, program ini dapat mendedahkan pelajar tentang tanggungjawab serta amanah individu kepada negara untuk menjaga keharmoniaan dan kestabilan negara kita. Melalui program ini juga, ianya dapat membentuk generasi masa depan yang lebih prihatin, bertanggungjawab, berdisiplin dan mempunyai semangat cintakan negara.



Program ini diadakan pada 17 Oktober 2024 di ruang legar kantin, Politeknik Mukah dengan penglibatan 65 peserta program, 18 ahli jawatankuasa pelajar dan 12 orang pensyarah JPA. . Melalui pertandingan ini juga, pelajar dapat mempamerkan kecemerlangan bakat di dan seterusnya dapat menghayati pembelajaran sepanjang hayat tentang semangat patriotisme di kalangan pelajar serta tanggungjawab kepada negara. Rentetan itu juga, program ini juga mampu membentuk pelajar yang berdaya saing secara sihat, lebih kreatif dan inovatifserta berkebolehan. Tuntasnya, program seperti ini dapat membantu pelajar untuk berdaya saing secara sihat di antara pelajar yang lain.



Karnival JPA “Exploring Language, Ethics and Faith”

Program Karnival JPA *Exploring Language, Ethics and Faith* merupakan program kolaborasi bersama unit-unit di bawah Jabatan Pengajian Am dan Jabatan Sukan Kokurikulum dan Kebudayaan iaitu Unit Bahasa, Unit Pendidikan Islam dan Unit Kokurikulum. Program ini dianjurkan bertujuan untuk menyemai dan meningkatkan minat pelajar PMU terhadap persaingan yang positif melalui pendekatan yang lebih efektif. Selain itu, program ini untuk mencungkil bakat-bakat pelajar PMU.



Program ini diadakan pada 17 & 18 Oktober 2024. Seramai 300 lebih pelajar telah menyertai pelbagai aktiviti di dalam karnival JPA ini. Pengisian program ini adalah berbentuk pertandingan dan aktiviti luar kuliah yang dapat memupuk dan meningkatkan kesedaran, kefahaman, penghayatan dan memperkukuhkan lagi Bahasa di kalangan pelajar PMU. Antara aktiviti yang dianjurkan di bawah karnival ini adalah Pertandingan Readers Theatre, What Say You, Word Beyond Boundaries, Scattergories, Scrabble, Pameran Kelab MPU24041 Bahasa Mandarin dan Kraftangan Tradisional MPU24021 Bahasa Mandarin. Program ini juga telah mencapai kejayaan dalam menjalankan aktiviti-aktiviti yang memfokuskan pembangunan diri dan meningkatkan kualiti bakat-bakat peserta.



Program Public Speaking Competition 2024

Program ini diadakan bertujuan untuk memberikan pendedahan kepada pelajar dalam mengasah bakat dan meningkatkan teknik mereka dalam aspek pengucapan awam dengan menggunakan Bahasa Inggeris. Melalui pertandingan ini, bakat baharu pelajar dalam aspek pengucapan awam dapat dicungkil dan dilatih supaya dapat mewakili dan mengharumkan nama Politeknik Mukah di pertandingan pada masa hadapan.



Program ini dilaksanakan pada 18 Oktober 2024 bertempat di Dewan Kuliah Utama, Politeknik Mukah. Seramai 20 peserta dari 4 jabatan yang berlainan telah menyertai aktiviti ini. Kesemua peserta dikehendaki untuk menyampaikan pengucapan mereka bertema 'The Power of Youth' dalam 2 pusingan iaitu 'Prepared Speech' dan 'Impromptu Speech'. Kesemua penyampaian pengucapan telah dinilai oleh panel juri yang dilantik iaitu En. Bolkhan bin Median (SMK Oya) dan Pn. Stephanie Jee (SMK Three River). Di Akhir program ini, pelajar dapat menampilkan bakat dan keupayaan diri dalam pengurusan aktiviti serta membentuk keyakinan diri dan personaliti.



Jelajah Inspirasi: Mencorak Masa Depan Bersama

Program "Jelajah Inspirasi: Mencorak Masa Depan Bersama" adalah sebuah inisiatif yang dirancang untuk menyuntik semangat dan inspirasi kepada pelajar sekolah, dengan memberi tumpuan kepada peluang pendidikan dan kerjaya masa depan. Salah satu fokus utama program ini adalah memperkenalkan Politeknik Mukah. Antara objektif di dalam program ini adalah menyemai semangat kebersamaan dalam komuniti dan mengembangkan kemahiran dan potensi pelajar.



Program ini dilaksanakan pada 02 November 2024 bertempat di NADI, Kpg. Tellian Ulu, Mukah. Seramai 20 peserta telah menyertai aktiviti ini. Program ini juga menekankan kepentingan pendidikan teknikal dan vokasional dalam membentuk masa depan yang lebih cerah. Dengan semangat kebersamaan, program ini bertujuan membantu pelajar mencorak masa depan yang gemilang bersama komuniti dan institusi pendidikan tempatan seperti Politeknik Mukah.



English in Action

Program *English in Action* merupakan sebuah program yang bertujuan untuk memotivasikan dan memperkukuhkan penggunaan Bahasa Inggeris dalam kalangan pelajar. Selain itu, ianya menggalakkan pelajar menjadi lebih kreatif melalui perkongsian kemahiran dan bakat. Di samping itu juga, pelajar dapat mempertingkatkan kreativiti dan kemahiran insaniah yang melibatkan penggunaan Bahasa Inggeris.



Program ini diadakan pada 19 April 2024. Seramai 160 orang pelajar dari Jabatan Perdagangan, Jabatan Teknologi dan Komunikasi, Jabatan Kejuruteraan Awam, Jabatan Kejuruteraan Mekanikal dan Jabatan Kejuruteraan Elektrik. Aktiviti-aktiviti yang dijalankan dalam program ini yang berbentuk aplikasi pengetahuan dan bimbingan diharap dapat menjadi input tambahan bagi pelajar menambahkan penggunaan bahasa inggeris mereka. Kesimpulannya penggunaan Bahasa Inggeris yang efektif dalam kalangan pelajar mampu membentuk tenaga yang kompeten dan berkualiti pada masa hadapan.



Carta Organisasi Jabatan Sukan, Kokurikulum dan Kebudayaan

CARTA ORGANISASI JABATAN SUKAN, KOKURIKULUM DAN KEBUDAYAAN POLITEKNIK MUKAH



KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI



#pmugemilang

Tarikh kemaskini: 1 Julai 2024

Produksi Malam Seribu Bintang

Kelab Kebudayaan dan Warisan, Politeknik Mukah (Warisan Permata Seni) dengan Kerjasama Jabatan Sukan, Kokurikulum, dan Kebudayaan (JSKK) telah menganjurkan produksi MALAM SERIBU BINTANG 2024 (MSB 2024) pada 26 dan 27 April 2024 bertempat di Dewan Kuliah Utama (DKU), Politeknik Mukah. MSB 2024 kali ini telah mengetengahkan lima kategori persembahan secara langsung iaitu Teater, Tarian Moden, Tarian Tradisional, Nyanyian dan Band serta Gabungan Nyanyian dan Tarian.



MSB 2024 telah berjaya mengetengahkan bakat terpendam para pelajar di Politeknik Mukah (PMU) tanpa mengira bangsa, agama, mahupun jurusan. Semoga aktiviti sihat seperti ini akan dapat diteruskan lagi pada masa akan datang di samping mengasah kemahiran insaniah para pelajar melalui pengurusan program dan menjaga keharmonian kebudayaan sejagat. Selain Kelab Warisan Permata Seni, program ini juga turut melibatkan pelajar daripada Badan Beruniform RELASIS 2, Kelab Kokurikulum Kraftangan, Kelab Kokurikulum Fotografi, Kelab Kokurikulum Teater, dan Kelab Kokurikulum Tarian Tradisional.



Kursus Asas Perajurit Muda Sukarelawan (APMS) Siri 1/2024

Kursus Asas Perajurit Muda Sukarela (APMS) Siri 1/2024 anjuran Jabatan Sukan, Kokurikulum dan Kebudayaan (JSKK) dengan kerjasama Rejimen 510 Askar Wataniah, Kem Sri Rajang, Sib. Kursus ini telah dilaksanakan pada 21 Mei 2024 bertempat di Dewan Kuliah Utama (DKU), Politeknik Mukah. Seramai 44 orang anggota Askar Wataniah yang terdiri daripada pelajar PMU yang mengambil kursus Kokurikulum MPU24111 Askar Wataniah 1 telah menghadiri kursus ini.



Tujuan kursus ini diadakan adalah untuk memberi latihan asas ketenteraan kepada anggota sukarela yang baru menceburkan diri di dalam bidang ketenteraan. Pada hari penutupan kursus, terdapat dua orang pelatih telah dinobatkan sebagai Anugerah Penuntut Terbaik Keseluruhan iaitu Pbt. Zarmeen Syazran Jamehari dan Anugerah Akademik Terbaik dinobatkan kepada Pbt. Nurul Faizah binti Mohd. Said. Selain itu, kursus ini juga bertujuan sebagai persediaan anggota Askar Wataniah PMU bagi menyertai Malaysian Polytechnics Territorial Army Annual Camp (MaLPTAAC) siri 15/2024 di Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin, Perlis yang akan berlangsung pada 26 Jun sehingga 10 Julai 2024 kelak.



Semarak Bulan Kemerdekaan PMU 2024

Program Semarak Bulan Kemerdekaan PMU 2024 anjuran Jabatan Sukan, Kokurikulum dan Kebudayaan (JSKK) bersama Sekretariat Rakan Muda (SRM) PMU telah dilaksanakan pada 30 Ogos hingga 6 September 2024. Manakala Majlis Penutupan dan Penyampaian Hadiah Semarak Bulan Kemerdekaan 2024 yang diadakan pada 6 September 2024. Majlis Penutupan telah disempurnakan oleh Ts. Fairose binti Mohtar, Ketua Jabatan (JSKK) bertempat di perkarangan Kamsis. Turut hadir bersama-sama ialah Puan Norfaziela binti Abdul Hashim, Penasihat (SRM) PMU.



Di antara aktiviti yang telah berlangsung sepanjang program ini ialah Pertandingan Futsal, Pertandingan Nyanyian dan Tarian serta Pertandingan Keceriaan Tema Kemerdekaan Zon EKSA. Program bertujuan memupuk semangat patriotisme dalam kalangan warga PMU dan menunjukkan bakat serta potensi dalam bidang sukan dan kesenian.



Kejohanan Sukan Institusi Pendidikan Tinggi (SUKIPT) Edisi Ke-6 2024

Kejohanan Sukan Institusi Pendidikan Tinggi (SUKIPT) Edisi Ke-6 2024 telah berlangsung pada 6 hingga 14 September 2024 di Universiti Utara Malaysia (UUM). Kontinjen Politeknik Malaysia berjaya menduduki tempat ke-3 keseluruhan dan merupakan pencapaian terbaik sepanjang penyertaan SUKIPT. Politeknik Mukah (PMU) bersama-sama dengan politeknik lain di Malaysia membentuk pasukan Politeknik Malaysia di dalam kejohanan ini.



PMU diwakili oleh dua (2) orang pelajar dalam pasukan Olahraga Politeknik Malaysia iaitu saudara Alif bin Zaini dan saudari Athirah Syaza binti Morazrain. Kedua-dua pelajar ini adalah daripada Jabatan Perdagangan. Mereka telah menunjukkan aksi yang cemerlang dalam kejohanan ini. Tahniah dan Syabas diucapkan!

Keputusan:


- Athirah Syaza binti Morazrain
- 3000m Lari Berhalangan (Emas)
- 4x400m Campuran (Gangsa)

- Alif bin Zaini
- 1500m (Ke-6)
- 4x400m Lelaki (Ke-4)



Perak Tourism International Invitation Taekwon-Do 2024

PERAK TOURISM INTERNATIONAL INVITATION TAEKWON-DO CHAMPIONSHIP 2024 adalah program anjuran Perak Tourism Association dan Perak MTF dengan kerjasama Malaysia Taekwon-Do Federation (MTF). Kejohanan ini telah berlangsung pada 21 hingga 23 Jun 2024 yang bertempat di Perak Badminton Arena, Sport Complex of Ipoh City Council, Ipoh, Perak Darul Bidzuan.



Selain Malaysia, kejohanan ini juga turut disertai oleh peserta dari negara Indonesia, Norway, Moldova, Vietnam, Uzbekistan, Hong Kong, Nepal dan juga Singapore. Politeknik Mukah (PMU) telah menghantar 4 orang atlet Taekwon-Do bagi menyahut cabaran ini. Pasukan Taekwon-Do PMU ini adalah dibawah pimpinan Encik Pengiran Haffey Izzat bin Abdul Ghafor (Pensyarah JTMK) yang merupakan Jurulatih dan juga merangkap Pengurus Pasukan.

Keputusan:

1. GABRIEL DARRYL ANAK GEORGE YONG berjaya merangkul Pingat Perak dalam kategori *Sparring Male 57.1 to 66KG*
2. MUHAMMAD ADIB AIEMAN BIN NOR YAZID berjaya mara hingga ke pusingan Suku Akhir bagi kategori *Sparring Male up to 57KG*
3. GEORGE NINGKAN ANAK SURANG dan GOVINDER ANAK KANA berjaya mara hingga pusingan Top 16 dalam kategori *Sparring Male above 75KG*

Kejohanan Polytechnic Sport Challenge (PSC) E-Sport 2024

Kejohanan POLYTECHNIC SPORTS CHALLENGE (PSC) 2024 E-SPORTS 2024 pada 7 hingga 12 Julai 2024 anjuran Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah (PTSB) dengan kerjasama Majlis Sukan Politeknik (MSP) secara dalam talian. Pasukan Sarawak B yg diwakili oleh pelajar PMU akan turun berentap di dalam *Grand Final* PUBG Kejohanan Polytechnic E-Sports Challenge 2024 secara *Live Streaming* di saluran Youtube PKAT ESport Politeknik Malaysia.



Pelajar PMU, saudara Devbras Dacosta Herry dari Jabatan Perdagangan telah membantu Pasukan Sarawak menjuarai pertandingan E-Football dalam Kejohanan PSC 2024 E-Sports. Dengan kejuaraan ini, beliau berjaya membawa pulang mokcek Wang Tunai beserta sijil penyertaan.

Selain itu, kejohanan ini juga turut disertai oleh seramai 18 orang pelajar PMU yang mewakili Zon Sarawak PolyCC melalui 3 acara iaitu E-Football, Mobile Legends (MLBB) dan PUBG.



Program Karnival Sukan PMU 2024

KARNIVAL SUKAN PMU 2024 Edisi Ke-2 anjuran Jabatan Sukan, Kokurikulum dan Kebudayaan (JSKK) dengan kerjasama Majlis Sukan Politeknik (MSP) ini telah diadakan pada 30 September hingga 27 Oktober 2024. Sebanyak 8 jenis sukan dengan 15 acara sukan telah dipertandingkan sepanjang berlangsungnya karnival ini. Sukan yang dipertandingkan ialah Badminton, Bola Tampar, Bola Jaring, Bola Sepak, Catur, Scrable, Memanah dan Dart.



Format karnival ini adalah pertandingan antara 5 jabatan akademik iaitu Jabatan Kejuruteraan Awam (JKA), Jabatan Kejuruteraan Elektrik (JKE), Jabatan Kejuruteraan Mekanikal (JKM), Jabatan Perdagangan (JP) dan Jabatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (JTMK). Secara keseluruhannya, JP telah merangkul Juara Keseluruhan dengan pungutan pingat sebanyak 8 pingat (4 emas dan 4 perak). tempat Ke-2 JKA dengan 5 pungutan pingat, dan tempat Ke-3 dirangkul oleh JKE dengan 3 pungutan pingat.



Carta Organisasi Hal Ehwal & Pembangunan Pelajar



Pendaftaran Pelajar Baharu dan Minggu Inspirasi Siswa Sesi II



Pendaftaran Pelajar Baharu dan Minggu Inspirasi Siswa Sesi II : 2023/2024
dan Sesi I : 2024/2025

Pilihan Raya Kampus



Pilihan Raya Kampus Politeknik Mukah 2024



International Conference on Engineering, Technology & Social



ICETSS 2024 yang bertemakan “Empowering TVET Towards Accelerating Artificial Intelligence (AI) Transformation” dilaksanakan bertujuan untuk melahirkan warga pendidik yang berbakat dan berpegetahuan tinggi dalam bidang penulisan dan membantu penghasilan kertas penyelidikan yang berkualiti. Selain itu, platform ICETSS 2024 ini menyediakan ruang dan memberi pendedahan kepada peserta dalam dan luar PMU untuk membuat pembentangan kertas penyelidikan. Tambahan lagi, hubungan dua hala antara Institusi pendidikan Indonesia dan Malaysia iaitu Politeknik Negeri Medan (POLMED), Indonesia sebagai penganjur utama, Politeknik Negeri Padang (PNP), Indonesia sebagai penganjur bersama dengan kerjasama Politeknik Mukah Sarawak (PMU), Malaysia. Pelaksanaan ICETSS 2024 telah mengeratkan jalinan kerjasama antara institusi pendidikan luar negara khususnya dalam bidang TVET iaitu dengan jemputan dua (2) orang keynote speaker dari University of Chitral, Pakistan dan Politeknik Negeri Medan, Indonesia. Sebanyak 51 penyertaan daripada dalam dan luar negara telah menyertai persidangan ini

GERAN T-ARGS Fasa 3 2024/2025



Politeknik Mukah Sarawak telah berjaya memperolehi Geran TRANS TVET 4.0 sebanyak RM 78,995.00. Projek pembangunan aplikasi Augmented Reality (AR) ini merupakan inovasi pertama di Mukah, Sarawak, bertujuan mempromosikan pelancongan dan memperbaiki taraf sosioekonomi penduduk setempat. Geran ini dianggotai oleh, Dr. Habsah binti Mohamad Sabli, En. Iskandar bin Reduan, Ts. Dr Chen Wing Keong, Mazira binti Ramli dan Muhammad Thariq bin Abdul Razak. Melalui aplikasi ini, pelancong dapat mengakses maklumat tentang destinasi, penginapan, makanan, dan budaya tempatan. Projek ini juga menyokong SDG 9: Industri, Inovasi, Infrastruktur dan SDG 17: Perkongsian untuk Mencapai Matlamat Selain itu, pelan tindakan TVET. dengan hasil yang diunjurkan termasuk penerbitan jurnal, perlindungan hak cipta aplikasi, serta kolaborasi dengan pelbagai agensi seperti Persatuan Melanau Mukah dan Sarawak Tourism Board. Dengan objektif utama menarik lebih ramai pelancong dan pelajar ke Politeknik Mukah, inisiatif ini dijangka memberi impak besar terhadap pembangunan Mukah dan menonjolkan warisan budaya Sarawak.

Borneo Engineering & Advanced Multidisciplinary International Journal



Borneo Engineering & Advanced Multidisciplinary International Journal (BEAM) adalah platform untuk memudahkan dan menyebarkan maklumat serta perkongsian pengetahuan dalam kalangan ahli akademik dan pakar bidang yang terlibat dalam pelbagai aspek Kejuruteraan, Pengurusan, Perniagaan, Perakaunan, Pendidikan, IT, dan Linguistik untuk menerbitkan kertas kerja dan rujukan berkualiti tinggi. Jurnal ini juga menerima kajian kuantitatif, kualitatif, dan hibrid mengenai pendekatan baharu melalui kemajuan teknologi untuk meningkatkan pembelajaran, reka bentuk, dan hasil pendidikan. Artikel yang berkaitan dengan teori yang diaplikasikan dalam amalan pendidikan, serta aplikasi praktikal penyelidikan, inisiatif dasar semasa dan penilaian penyelidikan, cabaran teori, pedagogi, dan metodologi yang berkaitan dengan teknologi pendidikan juga dialu-alukan. Jurnal ini adalah jurnal akses terbuka yang menyediakan penerbitan secara dalam talian dua kali setahun.

Carta Organisasi Unit Jaminan Kualiti

CARTA ORGANISASI UNIT JAMINAN KUALITI POLITEKNIK MUKAH



KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI



#pmugemilang

Tankh kemaskini: 29 Julai 2024

Bengkel Pemantapan OBE



Bengkel Pemantapan OBE telah dilaksanakan pada 16 Ogos 2024 melibatkan peserta terdiri daripada Ketua Kursus dan penyelararas OBE jabatan. Objektif bengkel ini bagi meningkatkan kefahaman dan pengetahuan berkenaan pembelajaran berasaskan hasil (OBE) serta mengenalpasti keperluan dan penambahbaikan (CQI) bagi semua aspek yang melibatkan OBE bagi memantapkan lagi proses pengurusan program. Penceramah Cik Nurain Bt Johar dari UiTM Cawangan Sarawak, kampus Mukah

Penilaian Panel Luar Program Akreditasi MQA



Penilaian Panel Luar Program Akreditasi MQA telah dilaksanakan pada 26 September 2024 melibatkan 4 program dibawah akreditasi MQA iaitu program di bawah Jabatan Perdagangan dan Jabatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (JTMK). Program terlibat adalah DAT, DPM, DSK dan DDT.

Seramai 4 orang panel penilai telah terlibat dengan program ini iaitu Cik Nur Ain Abu Bakar dan Pn Dayang Hummida binti Abang Abdul Rahman daripada UiTM Cawangan Sarawak kampus Mukah bagi menilai program DAT dan DPM, PM Dr Mohamad Nazim Jambli daripada Unimas bagi program DDT dan Pn Noor Shima binti Antony daripada UiTM Cawangan Sarawak kampus Samarahan membuat penilaian bagi program DSK.

Program ini adalah bagi memenuhi keperluan akreditasi program yang mana setiap program perlu melaksanakan penilaian sendiri bagi mengenalpasti kekuatan dan peluang penambahbaikan yang boleh dilaksanakan. Melalui program ini juga program boleh mengenal pasti pematuhan terhadap standard dan keperluan akreditasi program. Laporan yang diterima daripada setiap panel akan dijadikan CQI bagi setiap program.

Audit Pemantauan ISO 21001:2018 EOMS



Audit Pemantauan (2) ISO 21001:2018 EOMS telah dilaksanakan pada 21-22 Oktober 2024 oleh 2 orang juruaudit daripada SIRIM QAS International Sdn Bhd. Audit ini bertujuan untuk memastikan pematuhan PMU terhadap keperluan dan standard EOMS. Proses audit berjalan lancar dan PMU layak meneruskan pensijilan EOMS

Carta Organisasi Unit Pengurusan Prestasi

CARTA ORGANISASI UNIT PENGURUSAN PRESTASI POLITEKNIK MUKAH



KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI



#pmugemilang

Tarikh kemaskini: 1 Julai 2024

Bengkel Pencapaian KPI PMU dan SKT Jabatan/ Unit Sukuan I, II & III



Bengkel Pencapaian KPI PMU 2024 dan SKT Jabatan/ Unit telah dilaksanakan secara sukuan; Sukuan I pada 27 Mei 2024, Sukuan II pada 19 Julai 2024 dan Sukuan III pada 11 Oktober 2024. Bengkel dihadiri oleh semua ahli mesyuarat pengurusan dan pegawai bertanggungjawab KPI

Bengkel Penyediaan dan Pemurnian Laporan Tahunan 2023 & 2024



Bengkel Laporan Tahunan PMU 2023 telah dilaksanakan pada 28 Mac 2024 dan 24 Jun 2024. Manakala Bengkel Penyediaan dan Pemurnian Laporan Tahunan PMU 2024 dilaksanakan dengan penglibatan Pemyelaras Pengurusan Prestasi Jabatan pada 15 November dan 22 November 2024

Bengkel Pemantauan Kesepunyaan dan Keserakanan (PK&K)



Bengkel Pemantauan Kesepunyaan dan Keserakanan (PK&K) telah dilaksanakan pada 27 Mac 2024 dengan dua (2) objektif utama iaitu (a) Melaksanakan penilaian sendiri menggunakan instrumen mengikut skop masing-masing. (b) Menyediakan penilaian sendiri kepada Penyelaras Pemantauan Kesepunyaan dan Keserakanan (PK&K) untuk dimuatnaik ke Portal PK&K, JPPKK

Carta Organisasi Unit Komunikasi dan Korporat



Webinar Everything About Publication

09 Oktober 2024 Mukah, Sarawak – Bersempena dengan Sambutan Bulan Akademia Zon Sarawak, Politeknik Mukah melalui Jabatan Perdagangan dan Unit Penyelidikan, Inovasi dan Komersialan (UPIK), dengan kerjasama Unit Latihan dan Pendidikan Lanjutan (ULPL), telah menganjurkan Program Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH): Webinar Everything About Publication: Focusing on AI Tools in Journal Article Writing secara hibrid. Program ini telah dirasmikan oleh Encik Iskandar bin Reduan, Timbalan Pengarah Akademik Politeknik Mukah, dengan tujuan memperkasakan para peserta dalam penggunaan teknologi AI untuk meningkatkan kualiti penulisan jurnal ilmiah.



Webinar ini menampilkan Ts. Dr.Saifudin Hafiz bin Yahaya, Pensyarah Universiti dari Fakulti Teknologi dan Kejuruteraan Industri dan Pembuatan, Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM), yang berkongsi ilmu mengenai tatacara penggunaan AI dalam penulisan akademik, memberikan manfaat besar kepada para peserta yang terdiri daripada ahli akademik dan penyelidik. Program ini adalah salah satu usaha Politeknik Mukah dalam menyokong perkembangan teknologi dan inovasi dalam dunia akademik, selaras dengan matlamat pembelajaran sepanjang hayat.

Perak Tourism International Invitation Taekwondo Championship

Seramai 4 orang pelajar Politeknik Mukah mewakili Sarawak sempena Pertandingan PERAK TOURISM INTERNATIONAL INVITATION TAEKWON-DO CHAMPIONSHIP 2024 anjuran Perak Tourism Association dan Perak MTF dengan kerjasama Malaysia Taekwon-Do Federation (MTF) baru-baru ini.



Four PMU students represent Sarawak

AH: Four students from Mukah Technic (PMU) represented Sarawak in the 'Perak Tourism International Invitation Taekwondo Championship 2024' at the Perak Sports Complex Badminton Arena recently.

According to PMU's statement, the students are Gabriel Darryl George Yong, Muhammad Adib Aieman Bin Nor Yazid, Govinder Kana George Ningkan Surang. Gabriel clinched the silver medal in the 'Sparring Male 57.1 kilograms (kg)' category and advanced to the quarter-finals (8) in the 'Sparring Male up to 81kg' category.

Meanwhile, Govinder and George made it to the Top 16 in 'Sparring Male above 75kg' category," the statement said.

Therefore, they are sent to the Business and Mechanical Engineering Department under the supervision of Co-Lecturer Pengiran Haffey Izzat b Abdul Ghafor.

Earlier, the tournament was organized by the Perak Tourism Association and the Malaysia Taekwondo Federation (MTF) in collaboration with the Sarawak Global Taekwondo Association (SGTA). Participants from foreign countries such as Indonesia, Nepal, Moldova, Vietnam, Uzbekistan, Hong Kong, Nepal, and also took part in the competition.

The PMU contingent was led by the PMU Taekwondo Coach, Pengiran Haffey Izzat b Abdul Ghafor, Perak alongside participants from the Sarawak Global Taekwondo Association (SGTA) to represent Sarawak and Malaysia.



Pertandingan tersebut diadakan di Arena Badminton Perak, Kompleks Sukan Perak. Peserta dari PMU ialah Gabriel Darryl Anak George Yong dan Muhammad Adib Aieman Bin Nor Yazid (Jabatan Perniagaan), Govinder Anak Kana George Anak Ningkan Kejuruteraan Urang dari Jabatan Kejuruteraan Mekanikal dibawah jurulatih Pengiran Haffey Izzat b Abdul Ghafor, pensyarah PMU.

Khidmat Komuniti Pensyarah Jabatan Kejuruteraan Elektrik

Seramai 18 orang pensyarah dari Jabatan Kejuruteraan Elektrik (JKE) telah menjalani program khidmat komuniti di Kampung Tellian, Mukah. Antara objektif program adalah pendawaian semula sebuah rumah penduduk kampung Tellian iaitu Puan Masilia Bariah Abdullah.



N... Pensyarah Jabatan Kejuruteraan Elektrik Politeknik
gambar kenangan selepas melaksanakan pendawaian se
ih rumah penduduk Kampung Tellian.

mat komuniti pensyar

IHAN RAZALI
rak.news@gmail.com

eramai 18 pensyarah
juruteraan Elektrik (JKE)
Mukah (PMU) menjalani
idmat komuniti di
Tellian.

khidmat yang
an adalah pendawaian
uah rumah penduduk
aitu Masilia Bariah

t Penyelaras Yayasan
in Siswa (YES) JKE, Mohd
rogram ini bertujuan
hidmat kemahiran
n kepada komuniti.
tu, ia untuk
kan peserta mengenai

memerlukan.

"Dengan adanya program
khidmat komuniti seperti ini,
ia memberi peluang untuk
mengeratkan hubungan anta
pihak PMU dan komuniti luar
katanya dalam satu kenyataan

Ujarnya, program ini juga
bertujuan menyumbangkan
kepakaran dan tenaga serta
pensyarah dalam melakukan
pendawaian serta kerja lain i
mengimbas semula pengetai
dan pengalaman mereka.

Terdahulu, program ini
merupakan anjuran YES JKE
kerjasama Kelab Kebajikan J
PMU, YES PMU dan Jabatan
Ehwal dan Pembangunan Pe
(JHEPP).



沐胶工艺学院18名电气工程系讲师日前在甘榜特
行电线重新接驳工作。
努拉查指出，该活动是由沐胶工艺学院电气工程系
及学生事务发展部联合主办。
舍末南里指出，通过社区服务计划活动能协助促进
上讲师们贡献他们的才能，将持有技艺专长及专业
帮助居民的同时，也能吸取学识及经验。


Program ini juga memberi pendedahan kepada
peserta mengenai kepentingan memberikan
khidmat Kemahiran kepada komuniti yang
memerlukan. Justeru, programi ini juga secara
tidak langsung akan mengeratkan hubunga
nantara pihak Politeknik Mukah dan juga
komuniti luar di bahagian Mukah.

Carta Organisasi Unit Pengantarabangsaan

CARTA ORGANISASI UNIT PENGANTARABANGSAAN POLITEKNIK MUKAH



KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI



#pmugemilang

Tarikh kemaskini: 06 Disember 2024

PMU Perkasakan Program Pengantarabangsaan

Pada tahun 2024, Unit Pengantarabangsaan (UPAN) melalui kerjasama Jabatan Akademik telah melaksanakan tiga belas (13) program pengantarabangsaan. Program ini melibatkan program bersama komuniti, kolaborasi antara institusi dalam dan luar negara. Diantara program yang dilaksanakan ialah Program Khidmat Komuniti Pemasangan Lampu Solar di Pesantren Al-Murabi di Pontianak.



Untuk menjayakan program ini ianya melibatkan seramai 6 orang pensyarah PMU dengan bantuan Konsulat Malaysia di Pontianak dan Konsul general Republik Indonesia di Kuching Sarawak. Secara langsung program ini menyumbang kearah program teknikal dibawah TVET. Diantara program lain ialah UPAN dengan kerjasama JMSK dan UPIK bersama Politeknik Negeri Padang dan Politeknik Negeri Subang, Indonesia bersama menjayakan International Conference Engineering, Technology & Social Science (ICETTS) pada 18 Julai 2024.





Kerjasama Strategik untuk Kesejahteraan Komuniti Sibul

Program Membina Masa Depan: Kerjasama Strategik untuk Kesejahteraan Komuniti Sibul telah berjaya dilaksanakan di Sibul Digital Hub. Program ini dirancang sebagai platform strategik untuk memperkukuh pembangunan komuniti melalui pemeraksanaan kemahiran teknologi dan pengetahuan ekonomi digital, khususnya dalam kalangan bumiputra di Sibul. Objektif bagi program ini bertujuan untuk memupuk bakat-bakat terpendam dengan kemahiran teknologi yang relevan selain memperkasakan kemahiran digital dan pengetahuan ekonomi ke arah memperkasakan komuniti tempatan.



Menampilkan Ts. Abang Fairul Syarmil bin Abang Mohammad sebagai penceramah utama, sesi ini memberi tumpuan kepada pentingnya penggunaan teknologi moden sebagai pemacu kemajuan komuniti. Beliau turut berkongsi pandangan tentang potensi besar dalam ekonomi digital dan bagaimana kemahiran teknologi dapat membantu individu dan komuniti mencapai kemajuan yang lebih signifikan.

Dalam program ini juga, pihak CNET bersama Sibul Digital Hub turut membincangkan kerjasama bagi memperkasakan komuniti melalui pendidikan dan inovasi teknologi.



Program Kolaborasi Aktif Bersama PERKEB

Program Kolaborasi Aktif Bersama PERKEB. Program ini dianjurkan dengan kerjasama CNET, CISEC dan Society of IT Student (SITS), JTMK dan berlangsung di PERKEB Sibü. Program ini bertujuan untuk memperkukuh kesejahteraan komuniti dengan menawarkan peluang-peluang strategik yang menyokong pembangunan industri dan sosial.



Menampilkan Ts. Abang Fairul Syarmil Bin Abang Mohammad sebagai penceramah utama, sesi ini memberi tumpuan kepada pentingnya penggunaan teknologi moden sebagai pemacu kemajuan komuniti. Beliau turut berkongsi pandangan tentang potensi besar dalam ekonomi digital dan bagaimana kemahiran teknologi dapat membantu individu dan komuniti mencapai kemajuan yang lebih signifikan. Dalam program ini juga, pihak CNET bersama Sibü Digital Hub turut membincangkan kerjasama bagi memperkasakan komuniti melalui Pendidikan dan inovasi teknologi.

Antara objektif utama program ini adalah memperkenalkan agrotani sebagai pilihan kerjaya alternatif, khususnya dalam ekonomi masa kini yang semakin mencabar. Program ini juga membuka ruang bagi staf akademik dan industri untuk memberi sumbangan kepada komuniti setempat, sekaligus merapatkan jurang antara institusi pendidikan dan masyarakat.

Program ini dijangka mampu memberi impak positif dalam memperkasakan komuniti Sibü dan Mukah melalui kerjasama strategik dan sokongan daripada pelbagai pihak.



Program GITHUB Crash Course Bersama MoreDoor

Program GITHUB Crash Course Bersama Moredoor telah dilaksanakan secara dalam talian sebagai satu usaha kolaborasi aktif antara institusi pengajian dan pihak industri. Program ini disasarkan kepada pelajar DDT Trek System Analysis and Design (SAD) Semester 5 dan bertujuan untuk memberikan pemahaman mendalam serta meningkatkan kemahiran pelajar dalam penggunaan Git dan GitHub.



Program ini dikendalikan oleh Dr. Azfar bin Tomi, pengarah urusan MoreDoor Interactive Sdn. Bhd yang juga merupakan pakar dalam bidang pengurusan projek perisian dan teknologi GitHub. Sesi ini memberikan pendedahan praktikal kepada pelajar, termasuk teknik penggunaan version control dan collaborative development yang amat relevan dalam pembangunan projek perisian moden. Melalui penglibatan yang aktif, pelajar mendapat peluang untuk memahami dan mempraktikkan konsep seperti branching, merging, dan pengendalian konflik dalam projek kumpulan.

Program ini juga memberi penekanan kepada peranan GitHub sebagai platform kerjasama yang kritikal dalam pembangunan perisian berskala besar. Keberkesanan program ini dapat dilihat melalui maklum balas positif daripada peserta, yang melaporkan peningkatan kefahaman dan keyakinan dalam menggunakan GitHub. Program ini diharap dapat menjadi asas kukuh kepada pelajar untuk terus menggunakan alat dan kemahiran ini dalam projek-projek akademik mahupun industri pada masa akan datang.



Carta Organisasi Unit Pengurusan Psikologi

CARTA ORGANISASI UNIT PENGURUSAN PSIKOLOGI POLITEKNIK MUKAH



KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI



Pengarah (DH54)
Suhaili bin Aleh



Timbalan Pengarah (Sokongan Akademik)
(DH48)
Sophian bin Sout



Ketua Unit Pengurusan Psikologi (S44)
Tang See Lik



Pegawai Psikologi (S41)
Nurul Hidayah binti Hamli

Program Pembinaan Jati Diri dan Disiplin Pelajar

Program Pembinaan Jati Diri dan Disiplin Pelajar merupakan inisiatif Politeknik Mukah untuk membantu pelajar-pelajar semester 5 Politeknik Mukah untuk membina jati diri sebagai Langkah memasuki alam pekerjaan.



Program ini dianjurkan bertujuan untuk:

- Memberi pengalaman baharu kepada Majlis Perwakilan Pelajar untuk mengendalikan program yang melibatkan kakitangan dan pelajar-pelajar Politeknik Mukah.
- Menambah kepada aktiviti pelajar yang melibatkan peningkatan kemahiran pengelolaan majlis.
- Majlis Perwakilan Pelajar dapat membantu Politeknik Mukah menyediakan platform khas untuk membina jati diri dan disiplin pelajar secara keseluruhan.

Program ini diadakan pada 9 Mei 2024, bertempat di Dewan Kuliah Utama, Politeknik Mukah dengan kehadiran sebanyak 70 orang pelajar.



Program R.A.R.E



Program Refleksi Afektif, Rasional Emosi telah diadakan pada 09-11 Julai 2024, bertempat di Politeknik Sultan Abdul Halim Muadzam Shah, Jitra Kedah

Program Inspirasi Diri dan Saringan Kesihatan Mental



Program Inspirasi Diri dan Saringan Kesihatan Mental telah dilaksanakan pada 7 & 13 Februari 2024, bertempat di Dewan Kuliah Utama, Politeknik Mukah

Carta Organisasi Unit Pembangunan Instruksional & Multimedia

CARTA ORGANISASI UNIT PEMBANGUNAN INSTRUKSIONAL & MULTIMEDIA (UIDM) POLITEKNIK MUKAH



KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI



Pengarah (DH54)
SUHAILI BIN ALEH



Timbalan Pengarah
(Sokongan Akademik) (DH48)
SOPHIAN BIN SOUT



Ketua Unit Pembangunan Instruksional &
Multimedia (DH41)
TIMOTIUS PETRUS ANAK AYI @ MICHAEL JULIN



Ahli Fotografi (B19)
VENISON ALFRED NUUEI



Pereka (B19)
AG ASWAN BIN AG MOHD KASSIM



Juruaudio Visual (N19)
SUFIAN BIN MOHAMAD ALI

#pmugemilang

Tarikh kemaskini: 24.7.2024

Educast Politeknik Mukah Sudut Pandang Podcast 2024

Mulai tahun ini, Unit Pembangunan Instruksional & Multimedia telah memulakan educast / Podcast bertajuk Sudut Pandang. Educast ini memberi fokus tentang sudut pandang staf, pelajar dan alumni Politeknik Mukah. Pada tahun ini terdapat 6 episod yang telah dikeluarkan dan dapat ditonton di laman youtube PMU Shout!TVET. Educast ini akan diteruskan pada tahun yang akan datang.



Latihan Persediaan Majlis Konvokesyen ke-16 Kelab Multimedia PMU

Pada 11 September 2024, Unit Pembangunan Instruksional & Multimedia telah melaksanakan latihan persediaan Majlis konvokesyen ke-16 untuk pelajar kelab Multimedia PMU. Latihan ini bertujuan untuk memperkukuh teknik dan cara menggunakan peralatan audio visual. Pelajar juga didedahkan etika sebelum, semasa dan selepas majlis konvokesyen.



Pelajar didedahkan cara penggunaan kamera semasa majlis rasmi dan juga teknik pegerakkan kamera semasa majlis. Seramai 20 pelajar terlibat dalam latihan ini. Melalui aktiviti ini, pelajar dapat pengetahuan tentang etika dan teknik dalam audio visual dan dapat digunakan pada majlis konvokesyen yang akan datang dan program rasmi yang lain.



Cam Crew Building Multimedia Club

Pada 19 Oktober 2024, Kelab Multimedia Politeknik Mukah telah menganjurkan program "Cam Crew Building Multimedia Club" yang berlangsung di Unit Pembangunan Instruksional dan Multimedia (UIDM). Program ini bertujuan untuk memperkukuh hubungan antara ahli kelab sambil meningkatkan kemahiran komunikasi, kerjasama dan rasa tanggungjawab peserta. Program ini dimulakan dengan pendaftaran peserta diikuti dengan pelbagai aktiviti yang menarik seperti "Team Sparta," "Heat the Room," dan "Pop the Balloon."



Waktu rehat dan makan tengah hari memberi peluang kepada peserta untuk bersantai sebelum menyambung aktiviti petang iaitu "Catch the Chick" dan "Run for the Finish Line." Kesemua aktiviti ini bertujuan memupuk nilai kerjasama, kepercayaan dan kebersamaan dalam kalangan ahli kelab. Program diakhiri dengan sesi fotografi sebagai kenangan. Seramai 48 peserta telah terlibat termasuk 12 ahli Majlis Tertinggi Kelab Multimedia. Melalui aktiviti ini, peserta berpeluang memperkukuh hubungan sesama mereka serta mempelajari nilai-nilai kepimpinan dan integriti. Program ini berjaya mencapai objektifnya iaitu menggalakkan pemikiran kreatif, komunikasi berkesan dan semangat kerja berpasukan dalam suasana yang menyenangkan.



Carta Organisasi Unit Pembangunan & Penyenggaraan Fasilitas

CARTA ORGANISASI UNIT PEMBANGUNAN DAN PENYELENGGARAAN FASILITI POLITEKNIK MUKAH



#pmugemilang

Tarikh kemaskini: 9 Disember 2024

LAWATAN TEKNIKAL DARIPADA JKR MALAYSIA



Program Khidmat Nasihat Teknikal dan Lawatan Tapak oleh JKR Malaysia bagi Sistem Pencegah Kebakaran Di Politeknik Mukah telah diadakan pada 06 Ogos 2024 hingga 07 Ogos 2024.

SESI KNOWLEDGE SHARING



Sesi *knowledge sharing* serta latihan bagi penggunaan dan pengendalian sistem *Variable Refrigerant Flow* (VRF) dibawah projek RMKe-12 telah diadakan pada 09 Oktober 2024 oleh pihak pembekal Daikin Malaysia.

LAWATAN PEMANTAUAN KERJA SELENGGARA INFRASTRUKTUR



Lawatan Pemantauan Kerja-kerja Selenggara Infrastruktur Menggunakan Peruntukan OS28000 (050501) di Politeknik Dan Kolej Komuniti oleh Bahagian Governan dan Kecemerlangan (BGK) telah dilakukan pada 15 Ogos 2024 hingga 16 Ogos 2024.

Carta Organisasi Unit Peperiksaan



Bengkel Pembinaan Item Penilaian Berkualiti Sesi I: 2024/2025



Bengkel Pembinaan Item Penilaian Berkualiti Sesi I: 2024/2025 telah dilaksanakan pada 30 September – 01 Oktober 2024. Penceramah adalah terdiri daripada Pakar Rujuk Item Pentaksiran (PMU). Peserta-peserta Bengkel memberikan maklum balas yang positif terhadap pelaksanaan keseluruhan Bengkel selama dua hari. Perbincangan mengenai isu-isu ketidakakuran dalam pengubalan item dapat membuka minda para peserta dan menjadi topik yang menarik dalam perbincangan. Di akhir sesi bengkel, peserta dapat memahami kaedah pembinaan item yang berkualiti disamping lebih memahami penggunaan FEIST dalam pengubalan item berkualiti.



Bengkel Pengesahan Item Peperiksaan Akhir Politeknik Sesi I: 2024/2025



Bengkel Pengesahan Item Peperiksaan Akhir Politeknik Sesi I: 2024/2025 Bagi Program Diploma Teknologi Maklumat (Teknologi Digital) telah dilaksanakan pada 14 Oktober 2024 hingga 18 Oktober 2024. Peserta-peserta terdiri daripada Panel Penilai dan Ketua Panel telah menilai soalan-soalan yang telah digubal oleh Politeknik Penggubal. Proses pemurnian dilaksanakan bagi item-item yang bermasalah dan tidak mengikut prosedur yang telah ditetapkan.

Penyemak bahasa juga memainkan peranan yang penting dalam menilai dan menyemak bahasa bagi setiap item yang telah digubal. Bagi Panel Luar yang terdiri daripada Pakar Rujuk Item Pentaksiran juga terlibat dalam menyemak keseluruhan draf item dan memberi maklumbalas kepada panel penilai dalam memastikan setiap item yang telah dipasang memenuhi keperluan yang telah ditetapkan.

Carta Organisasi Unit Perhubungan dan Latihan Industri




Taklimat 2 Sesi I: 2024/ 2025

Taklimat 2 Latihan Industri Sesi I: 2024/ 2025 telah dilaksanakan pada 25 Oktober 2024.


Taklimat 2 merupakan sesi taklimat yang menerangkan kepada pelajar tentang proses pelaksanaan dan penilaian latihan seperti:

- a) Prosedur lapor diri di industri.
- b) Peraturan dan disiplin pelajar semasa menjalani Latihan Industri.
- c) Pengurusan dan penilaian semasa dan selepas menjalani Latihan Industri.
- d) Panduan penulisan buku log dan buku laporan akhir Latihan Industri.
- e) Panduan pelaksanaan dan kemajuan tugas Latihan Industri.



Pemantauan Latihan Industri Sesi I: 2024/ 2025

Pemantauan Latihan Industri dilaksanakan untuk mendapatkan maklumbalas daripada pihak industri mengenai prestasi pelajar, menyemak, menandatangani dan mengesahkan buku log pelajar, memantau kemajuan tugas latihan industri dan penulisan laporan serta mendapatkan maklumbalas daripada pelajar berkenaan pengetahuan, pengalaman dan kemahiran yang diperoleh sepanjang menjalani latihan industri.



Carta Organisasi Unit Latihan Dan Pendidikan Lanjutan



Kursus Induksi Kepengaraharan POLYCC Malaysia 2024

Kursus Induksi Kepengaraharan POLYCC Malaysia 2024 telah berlangsung dengan jayanya di Politeknik Mukah (PMU). Kursus ini dianjurkan oleh Bahagian Kompetensi dan Peningkatan Kerjaya, Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) dengan kerjasama Unit Latihan dan Pendidikan Lanjutan PMU. Seramai 37 pengarah baharu politeknik dan kolej komuniti dari seluruh Malaysia telah menghadiri kursus ini.



Objektif utama kursus ini adalah untuk memberi pendedahan kepada peserta mengenai pengurusan kewangan dan perolehan sektor awam. Kursus ini juga bertujuan membantu peserta memahami dan menangani isu perolehan dari sudut audit, sekaligus meningkatkan kesedaran terhadap integriti dan akauntabiliti dalam pentadbiran kewangan. Kursus ini berlangsung selama lima hari dan dirasmikan oleh Ketua Pengarah Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti, Datuk Dr. Mohd Zahari Ismail. Program ini berjaya meningkatkan kefahaman peserta tentang integriti dan akauntabiliti, meminimumkan isu perolehan serta membentuk kepimpinan yang cekap dan beretika. Ia mencerminkan komitmen JPPKK dalam memastikan kepimpinan sektor awam yang berintegriti dan berkualiti.



Kursus Fiber Optic Cable & Pensijilan Profesional CA2C

Pada 23 Mei 2024, Kursus *Fiber Optic Cable & Pensijilan Profesional* bagi *External Network (CA2C)* telah diadakan dengan penyertaan seramai 21 peserta, termasuk staf akademik dan teknikal. Program ini bertujuan meningkatkan kemahiran teknikal dalam pengendalian kabel fiber optik serta menyediakan pensijilan profesional yang diiktiraf bagi peserta. Kursus ini memberi fokus kepada aspek teori dan praktikal pemasangan serta penyelenggaraan fiber optik selaras dengan perkembangan teknologi rangkaian terkini.



Aktivitinya melibatkan pengendalian alat pengujian, penyambungan kabel dan pemahaman mendalam tentang infrastruktur rangkaian luaran. Peserta juga didedahkan kepada standard industri terkini bagi memastikan kualiti dan keselamatan kerja. Program ini telah memberi impak besar dalam memperkasakan kemahiran teknikal staf, memupuk kecekapan yang diperlukan untuk projek rangkaian infrastruktur kampus dan industri luar. Kursus ini mencerminkan komitmen organisasi dalam menyokong pembangunan profesional staf untuk memenuhi keperluan teknologi dan industri yang semakin kompleks.



Kursus Teambuilding Transformasi Cemerlang 2024

Pada 6 hingga 7 November 2024, Kursus *Tebuilding* Transformasi Cemerlang telah dianjurkan oleh Unit Latihan dan Pendidikan Lanjutan Politeknik Mukah (PMU) dengan kerjasama Unit Pengurusan Psikologi. Kursus ini melibatkan staf sokongan Politeknik Mukah dan diadakan di Kem Belia Mukah serta Bilik Seminar ULPL PMU. Objektif kursus adalah untuk membina dan memperkukuh hubungan antara staf melalui aktiviti komunikasi, kepercayaan dan kerjasama; meningkatkan kemahiran kepimpinan dalam menangani cabaran serta menyemai nilai inovasi dan kecekapan dalam melaksanakan tugas dengan harmoni.



Kursus ini menampilkan aktiviti teambuilding outdoor, teknik pengurusan stres dan sesi latihan dinamik kumpulan (LDK) yang memupuk kemahiran interpersonal dan daya kepimpinan peserta. Program ini memberikan impak besar dengan memperkukuhkan hubungan antara staf, meningkatkan semangat kerjasama, dan mencetuskan motivasi dalam kalangan peserta. Ia juga mencerminkan komitmen PMU dalam memastikan stafnya sentiasa berdaya saing dan efisien dalam menyokong visi institusi.



Carta Organisasi Unit Kewangan dan Akaun

CARTA ORGANISASI UNIT KEWANGAN DAN AKAUN POLITEKNIK MUKAH



KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI



Pengarah (DH54)
SUHAILI BIN ALEH



Timbalan Pengarah
(Sokongan Akademik) (DH48)
SOPHAN BIN SOUT



Ketua Unit Kewangan & Akaun
(W32) TBK 1
KIU CHAI YUNG



Pembantu Tadbir
Kewangan (W22) KUP
NAPSIAH ZAKARIA



Pembantu Akauntan
W22 (KUP)
VERONICA ANAK
MARINGGAI



Pembantu Tadbir
Kewangan W22 (KUP)
SHIRLEY BINTI HILARY
LAISAK



Pembantu Tadbir
Kewangan (W22) TBK 1
HASLINA BINTI GERUNA



Pembantu Tadbir
Kewangan (W19)
FIARIZA BINTI JURENG

#pmugemilang

Tarikh kemaskini: 1 Julai 2024

Penyediaan Anggaran Belanja Mengurus (ABM) 2025



Mesyuarat Penyediaan Anggaran Belanja Mengurus (ABM) bagi Tahun 2025, dipengerusikan oleh Encik Sophian bin Sout, Timbalan Pengarah Sokongan Akademik bertempat di Bilik Persidangan PMU pada Isnin 22 Januari 2024. Mesyuarat ini dihadiri oleh semua Ketua Jabatan dan Ketua Unit.

Mesyuarat Agihan Peruntukan Tahun 2024



Mesyuarat Agihan Peruntukan Tahun 2024 dipengerusikan oleh Encik Iskandar bin Reduan, Timbalan Pengarah Akademik (Menjalankan Tugas Pengarah) Politeknik Mukah pada Khamis 25 Januari 2024. Mesyuarat ini dihadiri oleh Ketua Jabatan dan Ketua Unit bertempat di Bilik Persidangan PMU. Turut hadir ialah Encik Sophian Bin Sout, Timbalan Pengarah (Sokongan Akademik).

Carta Organisasi Unit Pusat Sumber

CARTA ORGANISASI UNIT PUSAT SUMBER POLITEKNIK MUKAH



KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI



#pmugemilang

Tanah kemaskini: 29 Julai 2024

Strategi Pencarian Maklumat Berkesan Untuk Projek Akhir Pelajar



Program Bengkel Literasi Maklumat: Strategi Pencarian Maklumat Berkesan Untuk Projek Akhir Pelajar yang melibatkan 200 orang pelajar dan 15 orang pensyarah dengan kerjasama Unit Penyelidikan Inovasi dan Komersialan telah dilaksanakan pada 22 – 29 Februari 2024.



Khidmat Masyarakat Bersama Tabika Kemas



Program khidmat masyarakat bertemakan “Serambi Ilmu Bermula Disini” anjuran Unit Perpustakaan dengan kerjasama ahli Kelab Rakan Perpustakaan PMU dan Tabika Kemas telah diadakan pada 27 April 2024 bertempat di Tabika Kemas Politeknik Mukah.



Hari Bertemu Pelanggan Perpustakaan PMU 2024



Hari Bertemu Pelanggan Perpustakaan PMU 2024 ini bertujuan meningkatkan visibility perpustakaan dengan pengguna, memahami keperluan mereka, serta memperbaiki kualiti perkhidmatan yang diberikan telah dilaksanakan pada 4 – 6 September 2024.



Carta Organisasi Unit Khidmat Pengurusan



Seksyen Perkhidmatan & Pentadbiran Am



Aktiviti kualiti perkhidmatan & pentadbiran am - pelaksanaan Sistem Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA) pada November 2024



Seksyen Perolehan



Bengkel Perolehan Bil. 1 Tahun 2024 - Anjuran Seksyen Perolehan pada 30 & 31 Januari 2024



Carta Organisasi Unit Pengurusan Kolej Kediaman



Pendaftaran Masuk Pelajar ke Kolej Kediaman Sesi II 2023/2024



Pendaftaran masuk pelajar ke Kolej Kediaman bagi Sesi II 2023/2024 dilaksanakan di Dewan Serbaguna PMU pada 29 Januari 2024 untuk pelajar baharu manakala pelajar senior dilaksanakan di Ruang Polymall pada 1 Februari 2024. Taklimat Kolej Kediaman sempena Minggu Inspirasi Siswa pula telah dilaksanakan pada 30 Januari 2024 di Dewan Kuliah Utama

Bengkel Membaikpulih Katil Kolej Kediaman ke arah Lestari



ember 2024 (Sabtu)


i - 430 petang

Polymall, UPKK

FASILITAT
BENGKE
MERANGKAP
ZON KERAN

Bengkel Membaikpulih Katil Kolej Kediaman ke arah Kolej Kediaman Lestari anjuran Unit Pengurusan Kolej Kediaman (Zon Salak) dengan kerjasama Jabatan Kejuruteraan Awam (Zon Keranji) bersama 24 orang pelajar yang terdiri daripada beberapa pelajar dari kelas DKA5C, Jawatankuasa Pelajar Kolej Kediaman dan wakil penghuni Kolej Kediaman dari pelbagai jabatan telah berjaya membaikpulih sebanyak 72 buah katil sepanjang bengkel satu hari ini

Carta Organisasi Unit Keusahawanan



Bazar Siswa Politeknik Mukah

Bazar Siswa Politeknik Mukah (PMU) telah membuka ruang dan peluang kepada pelajar untuk mempraktikkan kemahiran keusahawanan dalam suasana perniagaan sebenar. Program ini berlangsung dari minggu keempat(4) hingga minggu kesepuluh(10) sesi pengkuliah dan menjadi platform penting bagi pelajar menjual produk serta perkhidmatan kepada pelajar lain, staf PMU, dan komuniti setempat.



Bazar Siswa bukan sahaja menyediakan pengalaman perniagaan secara langsung, malah menyumbang kepada pencapaian dua Petunjuk Prestasi Utama (KPI) di bawah Unit Keusahawanan PMU. KPI 1 menekankan peningkatan bilangan pelajar yang menjalankan perniagaan semasa tempoh pengajian, manakala KPI 2 memfokuskan kepada alumni yang terus berkecimpung dalam bidang keusahawanan selepas tamat pengajian.

Bazar Siswa ini dilihat sebagai langkah strategik dalam mendekatkan pelajar kepada realiti keusahawanan dan membina asas kukuh untuk mereka menjadi usahawan yang berjaya pada masa hadapan.



Program Impact Digital Community Tourism (IDCT)

Program Impact Digital Community Tourism (IDCT) adalah inisiatif anjuran Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) bersama Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS), dengan penglibatan semua Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) di Sarawak dan Sabah. Program ini bermula pada November 2023 dan dijangka berakhir dengan majlis penutupan pada 9 hingga 11 Ogos 2024.



Melalui pelaksanaan program ini, Politeknik Mukah telah mencatat kejayaan membanggakan dengan menerima Anugerah Perintis IDCT, sebagai pengiktirafan atas sumbangan dan inovasi mereka dalam memanfaatkan teknologi digital untuk memajukan sektor pelancongan komuniti.

Program ini memberi tumpuan kepada usaha membangunkan potensi komuniti melalui pelancongan digital, sambil menggalakkan kerjasama erat antara institusi pengajian tinggi dan masyarakat setempat. Usaha ini juga selaras dengan visi untuk memupuk pembangunan lestari dan memperkasakan komuniti di era ekonomi digital.



Program "Entrepreneurship: Do and Don't"

Program Entrepreneurship: *Do and Don't* yang diadakan baru-baru ini di Politeknik Mukah (PMU) telah memberikan panduan yang tepat kepada peserta mengenai langkah-langkah yang perlu diambil serta kesilapan yang harus dielakkan dalam bidang keusahawanan.


Program ini bertujuan untuk membekalkan peserta dengan pengetahuan praktikal mengenai cabaran sebenar yang dihadapi oleh usahawan, serta cara-cara untuk mengatasinya dengan bijak.



Peserta turut didedahkan kepada situasi dunia perniagaan yang sebenar, memberi mereka peluang untuk memahami proses yang terlibat dalam menguruskan sebuah perniagaan. Mereka juga lebih jelas mengenai langkah-langkah penting yang perlu diambil dan perkara-perkara yang perlu dielakkan dalam perjalanan mereka untuk menjadi seorang usahawan berjaya. Program ini dilihat sebagai inisiatif yang penting dalam memperkukuhkan kemahiran keusahawanan di kalangan pelajar dan memberi pendedahan kepada mereka tentang dunia perniagaan yang penuh cabaran.



Carta Organisasi Unit Teknologi Maklumat



Pendaftaran Pelajar Baharu Sesi II: 2023/2024



Menyediakan infrastruktur ICT seperti laptop, pencetak, dan sebagainya semasa hari pendaftaran pelajar baharu Sesi II:2023/2024



Pendaftaran Pelajar Baharu Sesi I : 2024/2025



Menyediakan infrastruktur ICT seperti laptop, pencetak, dan sebagainya semasa hari pendaftaran pelajar baharu Sesi I:2024/2025



Majlis Konvokesyen Politeknik Mukah ke-16 Tahun 2024



Memastikan sistem e-konvo berjalan dengan lancar semasa hari Majlis Konvokesyen Politeknik Mukah ke-16 Tahun 2024



Carta Organisasi Unit CISEC



ICCX MADANI 2024

Karnival ini adalah manifestasi visi PMU untuk menghubungkan pelajar dengan pelbagai industri dan syarikat sekitar Mukah. Dengan tema "Menjulung Potensi, Merealisasi Impian," karnival ini diharapkan menjadi platform di mana pelajar dapat menjalin jaringan profesional, menggali peluang kerjaya, dan memperoleh ilmu serta kemahiran yang relevan dengan pasaran kerjasemasa. Program ini menampilkan pelbagai aktiviti menarik seperti pameran kerjaya, seminar, bengkel pembangunan diri, dan sesi temu duga terbuka yang direka khusus untuk meningkatkan kebolehpasaran graduan kita.



Dengan penyertaan daripada pakar industri, pemimpin korporat, dan tokoh akademik, ICCX Madani 2024 dijangka menjadi sebuah acara yang luar biasa dan penuh inspirasi. Antara impak dari program ini:

- Membekalkan pelajar dengan maklumat terkini tentang peluang pekerjaan dan keperluan industri.
- Memberi pendedahan kepada pelajar tentang perkembangan terkini dalam bidang-bidang pekerjaan yang berbeza.
- Mengumpulkan pelbagai syarikat dan organisasi dari pelbagai industri untuk menawarkan peluang pekerjaan dan latihan industri.



Localization Of Process Controller Of Press Metal Bintulu



Program *LOCALIZATION OF PROCESS CONTROLLER OF PRESS METAL BINTULU SDN BHD* bermula dari 26 Ogos 2024 sehingga 3 September 2024 telah dijalankan selama 8 hari di Press Metal Bintulu Sdn Bhd dan dengan jayanya. Seramai 50 orang peserta telah berdaftar untuk mengikuti kursus ini dan kesemua berjaya mengikuti program ini sepenuhnya. Peserta dilatih secara intensif tiga modul teras proses (core modules) pembuatan aluminium iaitu Aluminium Smelting (upstream process), Aluminium Casting (midstream process), dan Aluminium Extrusion (downstream process). Peserta juga dilatih dua modul tambahan penting berkenaan dengan penyelesaian permasalahan proses pembuatan iaitu Analytical Thinking and Observation skills. Penceramah-penceramah menggunakan kaedah *reflective thinking* dalam proses pengajaran dan pembelajaran supaya peserta dapat mengaitkan latihan teori dengan persekitaran tempat kerja. Para peserta dibahagikan kepada 5 kumpulan supaya setiap peserta dapat melibatkan diri secara interaktif dalam perbincangan, kajian kes dan menyumbang dalam menjayakan kerja projek berkumpulan (group project), dan tugas kumpulan (group assignment). Para peserta juga menjalani "Process Visit" dalam kilang supaya lebih memahami proses pembuatan aluminium dan persekitaran tempat kerja sebagai "Process Controller" di Press Metal Bintulu Sdn Bhd.

INISIATIF SUMBANGAN ALUMNI PMU KE KAMPUNG HILIR



Kampung Hilir merupakan salah satu komuniti yang kaya dengan budaya dan tradisi di SibU. Pada 22 September yang lalu kampung ini mengalami musibah kebakaran yang menyebabkan 15 rumah musnah. CISEC dan Persatuan Alumni Politeknik Mukah merasakan bertanggungjawab untuk menyumbang kembali kepada masyarakat yang telah banyak menyokong perjalanan pendidikan alumni-alumni Politeknik Mukah. Dengan kerjasama yang erat antara CISEC, Persatuan Alumni Politeknik Mukah dan juga Pertubuhan Kebajikan Ekonomi BumiputeraSibu; satu program sumbangan dijalankan pada 1 Oktober 2024 (Selasa) . Projek sumbangan ini bukan sahaja menyediakan bantuan material, tetapi juga mengukuhkan hubungan antara alumni dan komuniti di SibU.



Carta Organisasi Unit Pengurusan Aset

CARTA ORGANISASI UNIT PENGURUSAN ASET POLITEKNIK MUKAH



KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI



#pmugemilang

Tarikh kemaskini: 5.8.2024

Gotong-royong Zon Betik 2024

Program gotong-royong Zon Betik bagi tahun 2024 di Politeknik Mukah berlangsung dengan jayanya . Program ini bertujuan memupuk semangat kerja sama, kebersihan dan pemeliharaan persekitaran di kalangan warga politeknik. Program ini diadakan di pelbagai lokasi strategik sekitar Zon Betik, termasuk taman, kolam dan kawasan pejabat. Aktiviti utama termasuk pembersihan, landskap, mengecat dinding, dan menyusun semula ruang stor. Kehadiran dan penyertaan yang aktif daripada pelajar dan staf menunjukkan komitmen yang tinggi terhadap menjaga persekitaran.





Program ini juga memberi peluang kepada peserta untuk berinteraksi, meningkatkan kemahiran komunikasi dan mempraktikkan nilai-nilai murni seperti tolong-menolong dan tanggungjawab sosial. Selain daripada aktiviti pembersihan, program ini turut disokong dengan promosi di media sosial melalui platform Facebook EKSA Zon Betik. Pendedahan ini bertujuan untuk memperluaskan kesedaran dan menanam inspirasi kepada masyarakat tentang pentingnya menjaga kebersihan dan keindahan persekitaran. Secara keseluruhannya, program gotong-royong Zon Betik 2024 mencapai objektifnya dalam memperkukuhkan nilai integriti, tanggungjawab sosial dan kerja sama dalam komuniti politeknik. Program ini telah membuktikan bahawa usaha kolektif mampu memberikan impak besar dalam mencipta persekitaran yang bersih, teratur dan harmoni.




Bengkel Pemeriksaan Aset Alih Kerajaan 2024

Pada 27 dan 28 Jun 2024, Unit Pengurusan Aset bersama Unit Latihan dan Pendidikan Lanjutan Politeknik Mukah telah menganjurkan Bengkel Pemeriksaan Aset Alih Kerajaan 2024 secara dalam talian melalui platform Microsoft Teams. Bengkel selama dua hari ini bertujuan untuk meningkatkan pemahaman peserta mengenai tatacara pengurusan aset alih kerajaan selaras dengan 1PP-Tatacara Pengurusan Aset Kerajaan. Program ini dikendalikan oleh penceramah berpengalaman, Encik Len Bin Annuar Rigos, dan fasilitator, Encik Josena Joseph Toyat.



Aktiviti meliputi taklimat dan sesi soal jawab yang interaktif. Peserta terdiri daripada staf jabatan kerajaan yang terlibat dalam pengurusan aset. Komitmen peserta yang tinggi, walaupun secara maya, memastikan program berjalan lancar dan objektif tercapai. Bengkel ini berjaya meningkatkan pengetahuan dan kecekapan peserta dalam melaksanakan pengurusan aset dengan kos sifar, membuktikan keberkesanan program latihan digital dalam memenuhi keperluan perkhidmatan awam.



Carta Organisasi Jawatankuasa e-Learning

CARTA ORGANISASI JAWATANKUASA e-PEMBELAJARAN POLITEKNIK MUKAH


KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI


POLITEKNIK
MALAYSIA
MUKAH



#pmugemilang


Tarikh kemaskini: 1 Ogos 2024

Bengkel Penerbitan Bahan Digital Berbentuk AR/VR/Video 360

Program Bengkel Penerbitan Bahan Digital Berbentuk AR/VR/Video 360 telah diadakan pada 12 hingga 13 Jun 2024 di Bilik TeCC, UiDM dengan penyertaan 30 orang peserta dari pelbagai jabatan. Bengkel ini bertujuan memberikan pendedahan dan kemahiran dalam pembangunan bahan digital yang menggunakan teknologi realiti tambahan (AR) dan realiti maya (VR) di samping menggalakkan inovasi dalam pengajaran. Peserta diperkenalkan kepada konsep AR/VR dan aplikasi praktikalnya dalam pembelajaran melalui aktiviti seperti "Create AR Cube at Home" dan "Experience Metaverse."



Hari pertama diakhiri dengan aktiviti kolaboratif "Multiverse Interface Studio Basics." Pada hari kedua, peserta membincangkan proses dan aplikasi Metaverse secara lebih mendalam dan program ditutup dengan penyampaian sijil dan hasil projek oleh peserta. Bengkel ini disampaikan oleh tenaga pengajar yang berpengalaman iaitu Ts. Ummu Hani dan Dr. Diana Jais. Melalui program ini, peserta tidak hanya memperoleh pengetahuan teknikal tetapi juga inspirasi untuk menerapkan teknologi AR/VR dalam pembelajaran sejajar dengan usaha mencapai KPI dan objektif institusi untuk tahun 2024.



Bengkel Micro Credential (MC) Siri 2 Tahun 2024

Bengkel Micro Credential (MC) Siri 2 Tahun 2024 telah dianjurkan pada 12 Julai 2024 di Makmal MCAD, JKE, Politeknik Mukah. Bengkel ini bertujuan untuk memperkukuhkan kemahiran dan pengetahuan peserta dalam pembangunan bahan pembelajaran untuk Platform Micro Credential (MC). Seramai 30 peserta yang terdiri daripada pensyarah pelbagai jabatan seperti JKE, JKA, JKM dan JP menghadiri bengkel ini. Mereka telah dibimbing oleh dua tenaga pengajar berpengalaman, iaitu Wong Tee Wei dari Jabatan Pengajian Am (JPA) dan Noor Syahida binti Drahman dari Jabatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (JTMK), Politeknik Mukah.




Bengkel ini berjaya memberikan pendedahan praktikal kepada peserta tentang kaedah menghasilkan bahan pembelajaran digital yang berkualiti untuk digunakan dalam pembelajaran fleksibel. Dengan bimbingan tenaga pengajar, peserta telah berjaya menguasai teknik-teknik penting dalam pembangunan bahan Micro Credential yang sesuai dengan keperluan semasa. Program ini diakhiri dengan sesi perbincangan bagi memastikan kefahaman peserta sebelum melaksanakan bahan mereka ke platform MC.



Bengkel Micro Credential Siri 3 Tahun 2024

Pada 6 September 2024, Politeknik Mukah telah menganjurkan Bengkel Micro Credential Siri 3 Tahun 2024 bertempat di Bilik TeCC, UiDM. Bengkel ini bertujuan untuk memberikan pendedahan dan kemahiran praktikal kepada peserta dalam memuat naik bahan ke platform Micro Credential serta menetapkan platform yang sesuai mengikut keperluan pengguna. Bengkel ini melibatkan 30 peserta daripada Politeknik Mukah. Peserta diberi bimbingan oleh dua penceramah berpengalaman, iaitu Wong Tee Wei dan Noor Syahida Binti Drahman.



Pada sesi pagi, peserta diperkenalkan dengan fungsi utama platform Micro Credential melalui penerangan dan demonstrasi yang komprehensif. Sesi tengahari dan petang pula melibatkan latihan praktikal memuat naik bahan ke platform serta mengemaskinian platform mengikut keperluan spesifik pengguna. Bengkel ini berjaya mencapai objektif utamanya iaitu meningkatkan kefahaman dan kemahiran peserta dalam penggunaan teknologi untuk menyokong proses pengajaran dan pembelajaran di Politeknik Mukah. Program ini diharapkan dapat menyumbang kepada peningkatan kualiti pendidikan serta kecekapan pelaksanaan pembelajaran digital di institusi ini.



Carta Organisasi Jawatankuasa Sistem Penasihat Akademik

CARTA ORGANISASI JAWATANKUASA SISTEM PENASIHATAN AKADEMIK (SPAk) POLITEKNIK MUKAH



KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI




#pmugemilang


Tarikh kemaskini: 08.07.2024

Pemeriksaan Penasihat Akademik

Taklimat Pemeriksaan Penasihat Akademik oleh Jawatankuasa Sistem Penasihat Akademik (SPAK) PMU bagi tahun 2024 telah diadakan pada 25 Januari dan 26 Julai lepas secara atas talian. Program ini melibatkan seramai 35 orang PA baru masing-masing dengan 13 orang dari Sesi 2 2023/2024 dan 22 orang bagi Sesi 1 2024/2025. Taklimat telah disampaikan oleh PPAP PMU, Dr. Nur Adilla binti Kasim. Kandungan taklimat merangkumi pendedahan mengenai peranan penasihat akademik dalam sistem SPAk, penggunaan modul MInD, sistem iPad dalam SPMP, serta amalan baik SPAk.



Selain itu, taklimat ini juga memberi peluang kepada penasihat akademik untuk berkongsi pengalaman dan cabaran yang dihadapi dalam melaksanakan tugas mereka. Perkongsian ini membolehkan mereka belajar daripada satu sama lain dan mencari penyelesaian bersama untuk meningkatkan kualiti bimbingan yang diberikan. Hasil daripada taklimat ini, penasihat akademik mendapat pendedahan berterusan tentang tanggungjawab dan peranan PA dan amalan baik dalam sistem SPAk. Inisiatif ini penting untuk kelangsungan pelaksanaan SPAk di Politeknik Mukah, membantu penasihat akademik dalam memberikan bimbingan sokongan akademik yang lebih berkesan kepada pelajar.



Program Penghayatan MInD

Program Modul Inspirasi Diri (MInD) Sesi 2 2023/2024 yang dianjurkan oleh Jawatankuasa Sistem Penasihat Akademik (SPAk) di Politeknik Mukah telah diadakan selama tiga hari untuk pelajar Semester 1, 2, dan 4. Program ini berlangsung pada 22 Mac, 3 Mei, dan 10 Mei 2024 di Dewan Kuliah Utama, Politeknik Mukah. Ia mendapat sambutan yang tinggi dengan kadar kehadiran 91.95% daripada sejumlah 1,180 pelajar. Sesi-sesi program termasuk pelbagai modul yang bertujuan untuk inspirasi diri dan pembangunan peribadi, seperti analisis SWOT, pengurusan diri dan akademik.



Taklimat telah disampaikan oleh PPAJ iaitu Nor Syazana Nahwah, Ts. Norazah Abdullah, Nur Adibah Raihan, Dr. Nur Adilla Kasim, dan Azrol Adenan. Program ini berjaya mencapai objektifnya dengan membantu pelajar mengenal pasti kekuatan dan kelemahan diri, membina keyakinan diri, dan mengimbangi kecemerlangan akademik dan peribadi. Pelajar didedahkan kepada peranan model/idola, gaya pembelajaran dan nilai diri positif. Maklum balas keseluruhan menunjukkan bahawa program ini berkesan memenuhi keperluan sokongan akademik pelajar, memberikan mereka pandangan dan kemahiran yang berharga untuk meningkatkan perkembangan peribadi dan akademik mereka.



Pemeriksaan Jati Diri Pelajar

Program Pemeriksaan Jati Diri bagi pelajar Semester 2, Sesi 1 2024/2025 yang dianjurkan oleh Penyelaras Sistem Penasihat Akademik (SPAk) telah diadakan pada 26 Julai 2024 dari jam 8 pagi hingga 12 tengahari di Dewan Kuliah Utama. Program ini melibatkan 196 orang pelajar Semester 2 PMU. Penceramah terdiri dari PPAP, Dr. Nur Adilla Binti Kasim dan Pegawai Kaunseling, Pn Nurul Hidayah Hamli, memberikan pendedahan yang komprehensif mengenai peranan dan tanggungjawab pelajar dalam mencapai kecemerlangan akademik dan sahsiah.



Program pemeriksaan jati diri merangkumi sesi pengenalan kepada i-SMART dan teknik-teknik asas dalam pembelajaran. Selain itu pelajar juga didedahkan kepada membina kemahiran insaniah, seperti kemahiran komunikasi, kepimpinan, dan pengurusan maklumat. Aktiviti ringkas dalam program membantu pelajar mengenal pasti kekuatan dan kelemahan diri, serta membangunkan potensi diri yang lebih bermakna. Pelajar didorong untuk mengaplikasikan kemahiran yang dipelajari dalam kehidupan seharian mereka. Inisiatif ini penting untuk memastikan pelajar PMU terus cemerlang dalam akademik, sahsiah, dan bersedia menghadapi cabaran masa depan.



Carta Organisasi Jawatankuasa SmartGreen PolyCC

CARTA ORGANISASI SMARTGREEN POLYCC POLITEKNIK MUKAH



KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI



#pmugemilang

Tarikh kemaskini: 15 Julai 2024

Jom Hijaukan Kampus

Jom Hijaukan Kampus merupakan program yang dianjurkan oleh SmartGreen PolyCC, Politeknik Mukah dengan kerjasama Sarawak Energy Berhad (SEB) pada 25 April 2024. Program ini melibatkan pelajar, pensyarah dan staf Politeknik Mukah, dengan tetamu kehormat, Dr. Ng Sing Muk, *General Manager of Research and Development* (SEB). Objektif utama program ini adalah untuk meningkatkan kesedaran alam sekitar dalam kalangan komuniti kampus, menggalakkan amalan lestari melalui inisiatif hijau, serta memupuk rasa tanggungjawab terhadap pemuliharaan alam sekitar.



Aktiviti utama yang dijalankan adalah penanaman pokok serta pendidikan tentang pengurangan jejak karbon. Program ini memberi impak besar kepada komuniti kampus, antaranya meningkatkan kesedaran terhadap kepentingan menjaga alam sekitar, menggalakkan amalan hijau yang konsisten, menyokong usaha pengurangan jejak karbon dan membentuk komuniti yang lebih prihatin terhadap kelestarian. Selain itu, ia juga menjadi platform untuk inovasi dan penyelidikan berkaitan inisiatif hijau. Program ini berjaya mendapat liputan media dan memperkukuh imej Politeknik Mukah sebagai institusi yang komited terhadap kelestarian alam sekitar dan pembangunan mampan di Sarawak.

KESEJAHTERAAN

esif jaga alam sekitar

inaja sumber alam
itikan,
an itu, beliau
inisiatif SEB itu
platform kepada
ntak turut serta dalam
aman pokok.
kari, Kampon
Malaysia merekodkan
nukan 96 juta pokok
ngkumi lebih 1000
uruh negara.
in kampon ini boleh
teroleh secara terus
di mudah alih atau
Malaysia' atau teman
m100yutapokok.gov.
s menzahirkan
k kepada pihak yang
menjayakan program
aku.



SIMBOLIK... ikandar (dapan kiri) melakukan simbolik penanaman bersama-sama sesud SE

Kempen Kitar Semula Minyak Masak Terpakai - "Tukar Sisa Dapat Duit"

Kempen Kitar Semula Minyak Masak Terpakai bertemakan "Tukar Sisa Dapat Duit" telah dianjurkan oleh SmartGreen PolyCC PMU di Politeknik Mukah pada 27 Julai 2024. Program ini bertujuan untuk mengurangkan pencemaran alam sekitar yang disebabkan oleh pembuangan minyak masak terpakai, meningkatkan kesedaran komuniti Mukah tentang pentingnya amalan kitar semula dan kelestarian serta menjana pendapatan tambahan melalui jualan minyak masak terpakai.



Program ini telah berjaya mengumpulkan sebanyak 585 kg minyak masak terpakai daripada 100 peserta yang terdiri daripada pelajar, staf dan komuniti setempat. Hasil jualan minyak yang dikumpulkan adalah sebanyak RM1,170 dengan kadar RM2 per kilogram. Dari segi impak, program ini telah menyokong beberapa Matlamat Pembangunan Lestari (SDG), seperti SDG 12 (Penggunaan dan Pengeluaran Bertanggungjawab), SDG 13 (Tindakan terhadap Perubahan Iklim) serta SDG 14 dan 15 yang melibatkan perlindungan ekosistem darat dan laut. Selain itu, ia juga memberi manfaat besar kepada Politeknik Mukah dengan menggambarkan sebagai institusi yang komited terhadap kelestarian dan memupuk kesedaran warga kampus dan komuniti setempat untuk menjaga alam sekitar.



KESEJAHTERAAN MASYARAKAT

SUARA SARAWAK

RABU | 31 Julai 2024 | 25 Muharam 1446

Tukar sisa dapat duit

MUKAH: Kempen Kitar Semula Minyak Masak Terpakai "Tukar Sisa Dapat Duit" mendapat sambutan menggalakkan daripada warga Politeknik Mukah (PMU). Menurut kenyataan PMU, kempen tersebut untuk menggalakkan warganya mengitar semula minyak masak yang telah digunakan. "Kempen ini juga menawarkan insentif wang tunai kepada individu yang menyumbangkan minyak masak terpakai mereka. "Selain itu, matlamat utama kempen untuk mengurangkan pencemaran alam sekitar dengan menggalakkan

pembuangan minyak masak ke dalam sistem saliran atau tanah. "Selain meningkatkan kesedaran masyarakat tentang kepentingan kitar semula dan amalan hijau," katanya. Sehubungan itu, kata PMU, kaedah proses pengumpulan dilaksanakan di rumah masing-masing dan minyak masak yang dikumpul akan ditimbang. "Wang tunai akan diberikan mengikut berat minyak yang diserahkan," katanya. Dalam pada itu, jumlah terkumpul jualan minyak masak bagi kempen tersebut sebanyak 585 kilogram. Bukan itu sahaja, kempen ini telah mendapat sokongan



SOKONGAN... Warga PMU menyumbang balik Kempen Kitar Semula Minyak Masak Terpakai "Tukar Sisa Dapat Duit".

dan kerjasama dengan rakan kolaborasi sekitar Bumi Hijau Sdn. Bhd.

Tambah kenyataan itu, kempen ini bergantung kepada penyertaan aktif masyarakat

dan kesedaran yang tinggi tentang kepentingan kitar semula.

Malaysian Polytechnic Community Sustainability Award 2024

Politeknik Mukah mencatat kejayaan cemerlang dalam *Malaysian Polytechnic Community Sustainability Award* (MPCCSustAward 2024) yang berlangsung pada 10 September 2024 di Politeknik Mersing, Johor. Program ini bertujuan mengiktiraf kecemerlangan politeknik dan kolej komuniti Malaysia dalam melaksanakan projek dan penyelidikan yang berfokus kepada kelestarian dan pembangunan mampan. Politeknik Mukah berjaya meraih Anugerah Keseluruhan Pencapaian Terbaik POLYCC, membuktikan komitmen tinggi institusi terhadap inovasi hijau dan kelestarian.



ANUGERAH KESELURUHAN POLITEKNIK

KEDUDUKAN	POLITEKNIK
1	POLITEKNIK MUKAH
2	POLITEKNIK SULTAN AZLAN SHAH
3	POLITEKNIK BANTING SELANGOR
4	POLITEKNIK MERLIMAU MELAKA
5	POLITEKNIK SULTAN IDRIS SHAH

Politeknik Mukah turut memenangi Anugerah Kertas Penulisan Hijau Terbaik dengan tajuk "Design and Implementation of a Smart Recycle Bin Based on the Internet of Things for Green Environment". Selain itu, beberapa pencapaian lain termasuk tempat pertama dalam Bidang Pengangkutan, tempat kedua dalam Bidang Pengurusan Pendidikan dan Penyelidikan serta Bidang Pengurusan Sisa dan tempat ketiga dalam Bidang Pengurusan Tenaga dan Perubahan Iklim serta tempat kelima dalam Bidang Pengurusan Air. Kejayaan ini mencerminkan usaha berterusan Politeknik Mukah dalam memacu kelestarian melalui inovasi dan penyelidikan sekaligus mengukuhkan reputasi di peringkat nasional.

ANUGERAH UI GREEN METRIC

NAME	
Polytechnic of Merlimau	as The 329th World's Most UI GreenMetric University
Polytechnic of Seberang Perai	as The 385th World's Most UI GreenMetric University
Polytechnic of Mersing	as The 392nd World's Most UI GreenMetric University
Polytechnic of Mukah	as The 462nd World's Most UI GreenMetric University
Polytechnic of Sultan Idris Shah	as The 523rd World's Most UI GreenMetric University



Carta Organisasi Jawatankuasa Keselamatan & Kesihatan Pekerja

CARTA ORGANISASI JAWATANKUASA KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN POLITEKNIK MUKAH



KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI



PENGARAH (DH54)
SUHAILI BIN AIEN



TIMBALAN PENGARAH SOKONGAN AKADEMIK (DH46)
SOFIEAN BIN SOUT



KETUA PENYELARAS JKPP (DH52)
MUHAMMAD AZAM BIN NGAH



PENYELARAS DOKUMEN KKP PIMU
ROSNANI BIN ZAINI



PENYELARAS EMERGENCY
RESPONSE TEAM (ERT)
LEN BIN ANNUARRIGOS



PENYELARAS HIRARC, SOP &
PENGURUSAN BAHAN KIMIA
MUHAMMAD FAIRS BIN HAMDANI



PENYELARAS PEMERIKSAAN
TAPAK KERJA, LAPORAN
KEMALANGAN & SASATAN
MOHD KUSYAIRI BIN ARIFFIN



PENYELARAS RISIKO & PELUANG
MUHAMMAD NAJIB BIN MOHD
AMIN



PENYELARAS LALULINTAS & KAWALAN
KESELAMATAN
LUCIANI @ ALBINO LUCIANI BIN BENEDICT

#pmugemilang

Tarikh kemaskini: 01 JULAI 2024

Latihan Kebakaran (Fire Drill) dan Pengungsian Bangunan

Pada 20 Ogos 2024, Politeknik Mukah melalui Jabatan Kejuruteraan Elektrik (JKE) telah menganjurkan Latihan Kebakaran (*Fire Drill*) bagi meningkatkan kesedaran keselamatan dan kesediaan warga kampus menghadapi kecemasan. Latihan bermula dengan membunyikan loceng kecemasan pada jam 8:45 pagi, diikuti pengungsian bangunan secara teratur mengikut laluan kecemasan ke Tempat Berkumpul (*Assembly Point*) seperti dalam Pelan Zon Politeknik Mukah. Program ini berjaya meningkatkan kefahaman peserta mengenai prosedur keselamatan, memupuk disiplin dalam menghadapi situasi kritikal dan memperkukuh kerjasama antara staf, pelajar dan pihak bomba.



Namun, terdapat sedikit cabaran apabila alat penggera tidak berfungsi dengan baik di beberapa lokasi tetapi hal ini tidak menghalang latihan daripada berlangsung dengan jayanya. Cadangan penambahbaikan telah disusulkan untuk memastikan alat penggera berfungsi dengan lebih efektif pada masa akan datang.. Diselia oleh En. Muhammad Faris bin Hamdani (JK JKPP) dengan kerjasama pihak bomba, latihan ini mencerminkan komitmen Politeknik Mukah dalam memastikan keselamatan kampus dan meningkatkan kecekapan dalam menangani kecemasan.



Carta Organisasi Jawatankuasa Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA)

CARTA ORGANISASI EKOSISTEM KONDUSIF SEKTOR AWAM (EKSA) POLITEKNIK MUKAH



KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI



#pmugemilang

Tarikh kemaskini: 01 Ogos 2024

Majlis Perasmian Program 10,000 Langkah dan Kebersihan Persekitaran

Pada 15 Mei 2024, dengan kerjasama Jawatan Kuasa Induk EKSA, PMU dan Jabatan Sukan Kokurikulum dan Kebudayaan (JSKK). Majlis Perasmian Program 10,000 Langkah dan Kebersihan Persekitaran (One Hour Malaysia Clean Up) ini bertujuan meningkatkan kesedaran kesihatan dengan menggalakkan gaya hidup sihat melalui aktiviti berjalan kaki sejauh 10,000 langkah, serta memupuk semangat gotong-royong antara warga politeknik dan masyarakat setempat dalam menjaga kebersihan persekitaran. Selain itu, program ini juga menyokong Matlamat Pembangunan Lestari (SDG) dengan mewujudkan persekitaran yang bersih, hijau, dan kondusif, serta mendidik generasi muda tentang kepentingan kebersihan dan pengurusan sisa.



Selama hampir tiga bulan bermula Jun 2024, setiap zon aktif di Politeknik Mukah telah melaksanakan aktiviti-aktiviti kebersihan dan gaya hidup sihat ini secara berterusan. Program ini memberi impak positif bukan sahaja kepada warga Politeknik Mukah tetapi juga kepada alam sekitar. Aktiviti fizikal seperti berjalan kaki membantu meningkatkan tahap kesihatan fizikal dan mental peserta, sementara aktiviti gotong-royong kebersihan memperkukuhkan hubungan sosial antara pelajar, pensyarah, dan komuniti setempat. Dari segi alam sekitar, program ini mengurangkan pencemaran, meningkatkan kesedaran mengenai kitar semula, dan menyokong kelestarian alam. Selain itu, ia turut memperkukuhkan imej Politeknik Mukah sebagai institusi yang prihatin terhadap kesihatan, kebersihan, dan kelestarian alam sekitar, serta menjadi contoh untuk program komuniti lain.



Projek Landskap Menyemarakkan Amalan Hijau di Kampus

Bersempena dengan Program "Jom Hijaukan Kampus", Jawatankuasa EKSA Politeknik Mukah (PMU) telah melaksanakan satu projek penting yang menyokong inisiatif kelestarian alam sekitar di kampus. Projek landskap pintu masuk utama PMU yang dilaksanakan secara berperingkat dan berfasa ini bertujuan untuk memperindah kawasan kampus serta menyahut seruan untuk melestarikan amalan hijau di institusi pendidikan. Projek landskap di pintu masuk utama Politeknik Mukah bertujuan mempertingkatkan suasana kampus dengan menjadikan kawasan tersebut lebih menarik, mesra alam, dan profesional.



Dengan motto EKSA, Selamat, Selesa, Sejahtera, projek ini menyokong amalan hijau melalui penanaman pokok yang mengurangkan suhu dan meningkatkan kualiti udara, serta menyediakan ruang terbuka yang selesa untuk pelajar dan staf berinteraksi. Selain memperindah kampus, projek ini juga memberi manfaat kepada alam sekitar, seperti peningkatan kualiti udara dan penurunan suhu, serta menyumbang kepada peningkatan moral dan produktiviti warga kampus. Projek ini mencerminkan komitmen PMU dalam mempromosikan kelestarian alam sekitar, dengan kerjasama Jawatankuasa EKSA dan JK Kebersihan Lanskap PMU, untuk mewujudkan kampus yang lebih hijau, bersih, dan mesra alam.



Menyusuri 14 Zon EKSA PMU Demi Kecemerlangan

Pada 18 dan 19 November 2024, Mesyuarat Pembukaan Audit Dalam EkSA Siri 2 2024 dilaksanakan di Bilik Persidangan PMU, diikuti dengan lawatan oleh Pengurusan Tertinggi PMU ke setiap 14 zon. Lawatan ini bertujuan untuk memastikan sistem EKSA berjalan lancar dan memenuhi piawaian yang ditetapkan. Pengurusan Tertinggi PMU menunjukkan komitmen yang tinggi dengan menyemak keadaan setiap zon dan mengidentifikasi isu yang timbul. Keprihatinan terhadap masalah yang dihadapi oleh zon-zon tersebut membuktikan perhatian mendalam pihak pengurusan.




Antara isu kritikal yang dikesan ialah kerosakan bumbung dan tanah mendap di Zon Mangga, Zon Pulasan, dan Zon Delima. Tindakan segera telah diambil untuk membaiki kerosakan tersebut, memastikan keselamatan dan keselesaan penghuni zon. Lawatan ini mencerminkan komitmen berterusan Pengurusan Tertinggi PMU dalam memperkukuhkan sistem EKSA dan memastikan setiap zon berada dalam keadaan terbaik. Dengan perhatian penuh terhadap setiap aspek, keberkesanan EKSA di PMU terus diperkukuhkan, memberi impak positif kepada prestasi keseluruhan.



Carta Organisasi Jawatankuasa Tatakelola

CARTA ORGANISASI JAWATANKUASA TATAKELOLA (JTK) POLITEKNIK MUKAH



#pmugemilang

Tarikh kemaskini: 30 Julai 2024

Pengukuhan Integriti dan Majlis Ikrar Bebas Rasuah Politeknik Mukah

Program Pengukuhan Integriti dan Majlis Ikrar Bebas Rasuah Politeknik Mukah Tahun 2024 berjaya dilaksanakan pada 15 Mac 2024 di Dewan Kuliah Utama, Politeknik Mukah. Program ini dianjurkan oleh Jawatankuasa Anti Rasuah (JAR) PMU dengan kerjasama Unit Latihan dan Pendidikan Lanjutan (ULPL), bertujuan untuk meningkatkan kesedaran warga PMU terhadap konsep integriti, tanggungjawab, dan bahaya rasuah. Program ini dihadiri oleh semua kakitangan Politeknik Mukah dan dimulakan dengan bacaan doa sebelum taklimat pengukuhan integriti disampaikan oleh En. Among Anak Jengga, Ketua Penolong Pengarah dari Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Cawangan Sibul.



Taklimat tersebut menekankan nilai-nilai integriti dalam kalangan penjawat awam, disertai sesi soal jawab interaktif yang memperkukuh pemahaman peserta. Kemuncak program ialah Majlis Ikrar Bebas Rasuah, di mana semua peserta bersama-sama menyatakan komitmen mereka untuk menolak amalan rasuah dalam menjalankan tugas. Program ini menunjukkan usaha gigih Politeknik Mukah dalam membentuk suasana kerja yang bersih dan beretika, selaras dengan aspirasi kerajaan untuk memperkukuh integriti dalam sektor awam. Pelaksanaan lancar ini didukung oleh jawatankuasa penganjur yang komited, memastikan objektif program tercapai dengan jayanya.



Perbincangan Susulan Penganjuran Program Pengukuhan Integriti

Pada 21 Mac 2024, bertempat di Politeknik Mukah, satu sesi perbincangan telah diadakan bagi membincangkan penganjuran Program Pengukuhan Integriti anjuran Unit Integriti dan Ombudsman Sarawak. Sesi ini melibatkan kerjasama antara Jabatan Premier Sarawak dan Politeknik Mukah dengan tujuan untuk memperkukuhkan nilai integriti dalam kalangan kakitangan dan pelajar. Perbincangan tertumpu kepada objektif program, pelaksanaan aktiviti, serta penglibatan pihak berkepentingan dalam menjayakan program ini.



Dalam sesi tersebut, pelbagai idea dan strategi dibincangkan, termasuk penglibatan penceramah berpengalaman untuk memberi ceramah berkaitan kepentingan integriti di tempat kerja dan masyarakat. Cadangan program ini juga merangkumi penyediaan modul latihan khas yang akan membantu peserta memahami prinsip integriti secara mendalam. Program ini diharapkan dapat meningkatkan kesedaran dan amalan integriti dalam kalangan peserta serta menyumbang kepada pembentukan budaya kerja yang telus, profesional, dan beretika di Politeknik Mukah serta negeri Sarawak secara amnya.



Program Semarak Integriti Sempena Sambutan Bulan Integriti 2024

Politeknik Mukah (PMU) telah berjaya menganjurkan Program Semarak Integriti bersempena dengan Sambutan Bulan Integriti 2024 yang berlangsung dari 25 November hingga 2 Disember 2024. Program ini dianjurkan oleh Jawatankuasa Tata Kelola (JTK) PMU dengan tema “Teguh Integriti, Kukuh Pertiwi”. Tujuan utama program ini adalah untuk memupuk budaya integriti di kalangan warga kerja PMU dengan menggalakkan nilai-nilai murni yang menjadi asas kepada keutuhan organisasi. Antara aktiviti utama program ini adalah Pertandingan E-Kuiz Celik Integriti, yang bertujuan untuk menguji pengetahuan peserta mengenai konsep integriti. Aktiviti ini diadakan secara digital, memberikan peluang kepada warga kerja PMU untuk memenangi hadiah misteri dan siji penyertaan.



Program ini turut memfokuskan kepada Memperkukuh Integriti di Era Teknologi, di mana warga kerja diingatkan untuk menjadi pengguna teknologi yang bijak dan tidak menyalahgunakan kemudahan digital. Poster dan kempen yang bertemakan “Jaga Jari, Pelihara Integriti” menekankan tanggungjawab digital setiap individu dalam menjaga reputasi dan amanah. Program ini bukan sahaja memupuk integriti dalam kalangan warga kerja PMU, tetapi juga menyuntik semangat Malaysia Madani, selari dengan aspirasi untuk membentuk budaya kerja yang unggul dan beretika. Dengan sokongan semua pihak, diharapkan nilai-nilai integriti ini dapat terus diterapkan secara konsisten dalam kehidupan harian dan pekerjaan.



Carta Organisasi Jawatankuasa Pensyarah Pelawat Industri

CARTA ORGANISASI JAWATANKUASA PENSYARAH PELAWAT INDUSTRI (PPI) POLITEKNIK MUKAH



KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI



#pmugemilang

Tarikh kemaskini: 29 Julai 2024

Bengkel Inovasi Projek Akhir Sesi 2 2023/2024

Bengkel Inovasi Projek Akhir Sesi 2 2023/2024 telah dianjurkan oleh Jabatan Kejuruteraan Elektrik, Politeknik Mukah, pada 3 Mei 2024 bertempat di Makmal Projek Jabatan Kejuruteraan Elektrik. Program ini bertujuan untuk meningkatkan kebolehpasaran graduan dengan memberikan pendedahan tambahan berkaitan inovasi serta kemahiran teknikal dalam kejuruteraan elektrik dan elektronik. Ia juga bertujuan untuk memenuhi keperluan KPI PPI Jabatan Kejuruteraan Elektrik bagi tahun 2024.



Bengkel ini menyasarkan 28 orang pelajar daripada kelas DEE5 dan DEP6, bersama penyertaan dua penceramah berpengalaman dari Mukah Power Generation, iaitu Antua Anak Ganing, seorang Jurutera Kanan, dan Adzar Azam Bin Mohammed, seorang Penolong Teknikal Kanan. Aktiviti ini membantu pelajar mempersiapkan diri untuk dunia pekerjaan melalui pengukuhan kemahiran teknikal dan pengurusan projek. Secara keseluruhan, program ini memberikan impak besar kepada peserta dengan menambahkan nilai terhadap pembelajaran mereka di politeknik. Ia juga memastikan graduan Politeknik Mukah lebih bersedia menghadapi cabaran industri, sekali gus menyumbang kepada pembangunan modal insan yang berkualiti tinggi.



Carta Organisasi Jawatankuasa Pengurusan Pusat Islam



Pengurusan Jenazah: Khidmat Terakhir - Panduan & Praktikal

Pada 7 September 2024, Pusat Islam Politeknik Mukah (PMU) telah menganjurkan Bengkel Pengurusan Jenazah: Khidmat Terakhir - Panduan & Praktikal di Surau Ibadur Rahman, Pusat Islam PMU. Bengkel ini disasarkan kepada warga Politeknik Mukah dan komuniti setempat dengan tujuan memberikan pengetahuan mendalam serta latihan praktikal mengenai pengurusan jenazah. Bengkel ini bertujuan untuk memberikan kefahaman tentang hukum-hakam dan adab pengurusan jenazah, melatih peserta dalam proses memandikan, mengkafankan dan mensolatkan jenazah serta meningkatkan kesedaran dan tanggungjawab melaksanakan fardu kifayah.



Program ini memberi impak besar kepada peserta termasuk meningkatkan kefahaman mereka tentang pengurusan jenazah menurut syariat, mempersiapkan individu yang lebih bersedia untuk menggalas tanggungjawab fardu kifayah serta menyemai kesedaran dalam kalangan generasi muda terhadap pentingnya melibatkan diri dalam amalan keagamaan dan tanggungjawab sosial. Dengan kerjasama Jawatan Kuasa Pengurusan Masjid Setia Raja, Mukah, bengkel ini berjaya memberikan manfaat teori dan praktikal kepada peserta sekali gus menunjukkan komitmen Pusat Islam PMU dalam mendidik dan memperkukuh nilai-nilai Islam dalam komuniti.



Gotong-Royong Perdana Surau Ibadur Rahman Pusat Islam

Program Gotong-Royong Perdana Surau Ibadur Rahman Pusat Islam Politeknik Mukah 2024 bertujuan memperkukuhkan kerjasama antara pelajar, staf dan komuniti setempat. Program ini berfokus kepada meningkatkan kebersihan, keceriaan dan keselamatan Surau Ibadur Rahman agar menjadi ruang yang lebih kondusif untuk aktiviti keagamaan dan pembelajaran. Aktiviti utama yang dilaksanakan termasuk membersihkan kawasan surau, mengecat jalan dan tanda kawasan untuk meningkatkan keselamatan serta menyusun semula stor dan kemudahan surau.



Peserta yang terlibat terdiri daripada staf, pelajar, ahli Rakan Pusat Islam dan komuniti sekitar turut serta dalam program ini. Pelaksanaan program ini disokong penuh oleh jawatankuasa pelaksana Pusat Islam dari Politeknik Mukah. Program ini berjaya mencipta suasana yang lebih bersih dan ceria di kawasan surau, meningkatkan kesedaran peserta mengenai kepentingan kebersihan dan memupuk semangat gotong-royong. Selain itu, ia juga mengukuhkan hubungan baik antara institusi pendidikan dan masyarakat setempat selaras dengan nilai integrasi sosial dan pembangunan komuniti yang progresif.



Majlis Solat Hajat Perdana Sempena Peperiksaan Akhir Sesi I 2024/2025

Pada 14 November 2024 (Khamis), Pusat Islam Politeknik Mukah (PMU) telah menganjurkan Majlis Solat Hajat Perdana bertempat di Surau Ibadur Rahman, Politeknik Mukah. Majlis ini diadakan sempena Peperiksaan Akhir Sesi I 2024/2025 dan bertujuan untuk memohon keberkatan, kemudahan dan kejayaan buat pelajar dalam menghadapi peperiksaan akhir. Program ini turut melibatkan kerjasama dengan pelajar dari Madrasah Al-Quran Mukah, Kampung Judan serta penyertaan warga PMU termasuk pelajar, staf, keluarga staf, penghuni kuarters dan kariah Pusat Islam. Majlis bermula pada jam 6.15 petang dengan kehadiran para jemaah diikuti dengan Solat Maghrib berjemaah dan bacaan Yassin.



Kemuncak majlis adalah Solat Isyak berjemaah yang diikuti dengan Solat Hajat di mana para hadirin memanjatkan doa khusus untuk kejayaan pelajar. Program berakhir dengan sesi jamuan makan pada jam 8.00 malam, memberikan peluang kepada hadirin untuk beramah mesra. Majlis ini bukan sahaja bertujuan menyokong persediaan rohani pelajar menghadapi peperiksaan akhir tetapi juga memperkukuhkan ukhuwah dalam kalangan warga Politeknik Mukah dan komuniti setempat. Anjuran ini mencerminkan komitmen Pusat Islam PMU dalam memupuk nilai keagamaan dan keharmonian institusi pendidikan.





Majlis
SOLAT HAJAT PERDANA

Bersama pelajar dari Madrasah Al-Quran Mukah, Kg Judan
sempena
PEPERIKSAAN AKHIR SESI I: 2024/2025


14 November 2024 (Khamis)
Majlis bermula 6:15pm

Anjuran:
PENGURUSAN PUSAT ISLAM POLITEKNIK MUKAH

DI JEMPUT SEMUA STAF, PELAJAR, KELUARGA STAF, PENGHUNI KUARTERS, & SEMUA KARIAH PUSAT ISLAM

Alurcara
MAJLIS SOLAT HAJAT PERDANA
SEMPENA PEPERIKSAAN AKHIR SESI I: 2024/2025

- 6.00 pm - Ketibaan Para Jemaah dan pelajar PMU
- 6.15 pm - Ketibaan pegawai Utama dan Kanan PMU
- 6.18 pm - Solat Maghrib Berjemaah
• Bacaan Yassin
- 7.29 pm - Solat Isyak Berjemaah
• Solat Hajat
- 8.00 pm - Jamuan Makan
• Bersurai



Majlis Konvokesyen Politeknik Mukah ke-16 Tahun 2024

Majlis Konvokesyen Politeknik Mukah ke-16 Tahun 2024 telah diadakan pada 14 September 2024 bertempat di Politeknik Mukah, Sarawak. Konvokesyen kali ini dihadiri oleh 442 orang graduan bersamaan 92% jumlah graduan PMU. Kehadiran konvokesyen kali ini disempurnakan oleh Datuk Dr. Haji Annuar bin Rapae Timbalan Menteri Pendidikan, Inovasi dan Pembangunan Bakat Sarawak mewakili Datuk Patinggi Tan Sri (Dr) Abang Haji Abdul Rahman Zohari Tun Abang Haji Openg, Ketua Menteri Sarawak.



Pelaksanaan Majlis Konvokesyen Politeknik ke-16 Tahun 2024 melibatkan 36 jawatankuasa induk pelaksana melibatkan 294 orang staf PMU sebelum, semasa dan selepas konvokesyen PMU yang diketuai oleh Encik Suhaili bin Aleh, Pengarah Politeknik Mukah. Pada kali ini Anugerah Pengarah Sesi 1 2022/2023 ialah Kimberly Sute Binti Ambrose (Jabatan Perdagangan) dan Anugerah Pengarah Sesi 2 2022/2023 graduan bernama Abigail Robreth@Robert (Jabatan Perdagangan) serta masing-masing membawa saguhati sumbangan Bank Rakyat Cawangan Mukah dan RHB Bank Mukah.



Carta Organisasi Jawatankuasa POLYCCSKILLS

CARTA ORGANISASI JAWATANKUASA POLYCCSKILLS (PASUKAN POLYCCSKILLS 2024) POLITEKNIK MUKAH



KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI



Penaung
Suhaili bin Aleh



Penasihat
Iskandar bin Reduan



**Penyelaras PolyCCSkills/
Jurualiah Welding**
WAN JAMALILAIL BIN
WAN MOHD ZEN



Setiausaha
Tt. MARIATI BINTI MASDUKI



Jurualiah Welding
ADICIA SUKMANI DM



**Jurualiah Mechanical
Engineering CAD**
AMELIA YAPAYA TINI



Jurualiah Welding
MOHAMAD KUPRAN TINI



**Jurualiah Fabrication &
Decorating**
JOHANNIS TON KUNAI



**Jurualiah Fabrication &
Decorating**
MUHAMMAD IMRAN MUHAMMAD



**Jurualiah IT Software
Solution for Business**
RIZKA LIA BINTI KAHAM



**Jurualiah IT Software
Solution for Business**
A SYED BINTI SELAMAT



Jurualiah Accountancy
AIZ JAYA BIN RUDIN



Jurualiah Stenography
DOLLY SHARIZ ANNA



**Jurualiah Mechanical
Engineering CAD**
MOHD ZAKARIA TINI



**Jurualiah Additive
Manufacturing**
MUHAMMAD RIFA



**Jurualiah Additive
Manufacturing**
LITIA ANNA ALBAG



**Jurualiah Customer
Relationship**
MUHAMMAD TAJM BIN LACK



**Jurualiah Jewelry & Costume
Making**
AHMAD NURUL BIN MUHAMMAD SHAHRILIN



Jurualiah ITMOA
MUHAMMAD ASYI DIN A. KUNIRAN



Jurualiah ITMOA
MUHAMMAD RIZJANI BIN MOHD ALIM



Jurualiah Stenography
NUR ANIKAH BINTI EZZUDIN

#pmugemilang


Tarikh kemaskini: 1 Julai 2024

POLYCCSKILLS 2024



POLYCCSKILLS 2024 telah berlangsung pada 01-04 Julai 2024 di POLYCC Zon Perak
Kejayaan pelajar PMU: Emas Bidang *Cabinet Making*, Emas Bidang *Carpentry*
Gangsa Bidang *Deco Painting*, Gangsa Bidang *IT Networks System Admin*

Sidang Editor



Penutup

Tahun 2024 menjadi tahun yang penuh dengan pencapaian dan perkembangan program serta aktiviti di Politeknik Mukah (PMU). PMU dengan bangga meneruskan usaha untuk memberikan pendidikan berkualiti tinggi, penyelidikan inovatif dan sumbangan kepada masyarakat setempat.

PMU kekal teguh dengan komitmennya untuk terus meningkatkan mutu pendidikan, kokurikulum dan aspek lain seperti inovasi serta penyelidikan. Selain itu, PMU akan memperluaskan kerjasama strategik dengan pelbagai agensi, memperbanyak program pembelajaran sepanjang hayat (PSH) dan memajukan bidang fokus utama iaitu Teknologi Maklumat.

Setinggi-tinggi penghargaan diucapkan kepada semua yang terus memberikan sokongan dan komitmen terhadap perjalanan PMU. Sokongan berterusan ini merupakan aset penting dalam merealisasikan kejayaan PMU sebagai sebuah institusi TVET yang cemerlang pada tahun 2024.



2024

LAPORAN TAHUNAN

POLITEKNIK MUKAH

UNIT PENGURUSAN PRESTASI

POLITEKNIK MUKAH
KM 7.5, JALAN OYA, 96400,
MUKAH, SARAWAK